Prospek dan Dasar

86-92	Suasana Ekonomi Antarabangsa
92-105	Ekonomi Malaysia pada Tahun 2004
96-99	*Rencana: Liberalisasi dan Pemudahan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing*
105-106	Dasar Monetari pada Tahun 2004
106-107	Dasar Fiskal pada Tahun 2004
108-109	Dasar Sektor Kewangan pada Tahun 2004
110-111	*Rencana: Laporan Rangka Kerja Pembangunan PKS*

Prospek dan Dasar

SUASANA EKONOMI ANTARABANGSA

Perkembangan pada tahun 2003

Ekonomi global bertambah kukuh pada tahun 2003, diterajui oleh Amerika Syarikat (AS). Pertumbuhan juga berlaku serentak di semua negara perindustrian dengan pemulihan di Jepun dan Eropah membantu pertumbuhan global. Pertumbuhan pada tahun 2003 terbahagi kepada dua fasa yang berbeza. Pada separuh tahun pertama, pertumbuhan adalah lembap disebabkan oleh suasana tidak menentu berikutan peperangan di Iraq dan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) di Asia. Walau bagaimanapun, pada pertengahan tahun 2003, pemulihan semula ekonomi Jepun dan kawasan euro serta pertumbuhan yang kukuh di AS telah menghasilkan pertumbuhan yang lebih baik daripada jangkaan iaitu sebanyak 3.2%. Dasar fiskal mengembang dan dasar kewangan yang akomodatif di negara-negara maju dan Asia telah membantu pertumbuhan. Pada masa yang sama, sumber pertumbuhan menjadi lebih menyeluruh, daripada yang diterajui penggunaan kepada pengukuhan pelaburan dan pengumpulan semula inventori.

Jadual 3.1
Ekonomi Dunia: Petunjuk Ekonomi Utama

	KDNK benar (%)			Harga pengguna (%)		
	2002	2003*a*	2004*r*	2002	2003*a*	2004*r*
Pertumbuhan Dunia	**3.0**	**3.2**	**4.1**	**–**	**–**	**–**
Perdagangan Sedunia	**2.9**	**3.5 - 4.5**	**5.0 - 6.0**	**–**	**–**	**–**
Negara-Negara perindustrian utama						
Amerika Syarikat	2.4	3.1	3.9	1.6	2.1	1.3
Jepun	-0.4	2.7	2.0	-0.9	-0.3	-0.6
Kawasan Euro	0.9	0.4	1.6	2.3	2.0	1.6
United Kingdom[1]	1.7	2.3	2.3	2.2	2.8	2.5
Asia Timur	**6.2**	**6.2**	**6.6 - 6.8**	**1.3**	**1.8**	**2.4 - 2.7**
NIE Asia	**4.5**	**2.9**	**5.0 - 5.2**	**0.8**	**1.2**	**1.4 - 1.5**
Korea	6.3	2.9	5.2	2.7	3.5	3.0
China Taipei	3.6	3.2	4.7	-0.2	-0.3	0.4
Singapura	2.2	1.1	3.5 - 5.5	-0.4	0.5	0.5 - 1.5
Hong Kong China[2]	2.3	3.3	6.0	-3.0	-2.6	-1.0
Republik Rakyat China	**8.2**	**9.1**	**8.3**	**-0.8**	**1.2**	**3.0**
ASEAN[3]	**4.0**	**4.5**	**4.9 - 6.0**	**5.3**	**3.8**	**3.0 - 4.3**
Malaysia	4.1	5.2	6.0 - 6.5	1.8	1.2	1.5
Thailand	5.4	6.7	6.3 - 7.3	0.7	1.8	1- 2
Indonesia	3.7	4.1	4.0 - 5.0	11.9	6.6	4.5 - 6.5
Filipina	4.4	4.5	4.9 - 5.8	3.1	3.4	4.0 - 5.0

[1] Inflasi merujuk kepada indeks harga runcit, tidak termasuk kadar faedah cagaran.
[2] Inflasi merujuk kepada harga komposit.
[3] Termasuk Singapura.
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, Datastream, Prospek Ekonomi OECD, Sumber dari pihak berkuasa

Pemulihan global disertai dan dibantu oleh pengukuhan perdagangan antarabangsa dan pasaran kewangan. Perdagangan dunia meningkat sebanyak 3.5-4.5% pada tahun 2003, disebabkan sebahagian besarnya oleh permintaan import negara-negara membangun. Disebabkan oleh permintaan global yang meningkat, paras harga komoditi utama bukan minyak meningkat pada tahun 2003. Di pasaran kewangan, pasaran ekuiti melonjak didorong oleh keyakinan tinggi para pelabur dan kedudukan kewangan korporat yang bertambah baik. Kos dana yang lebih rendah ketika permintaan mengukuh memulihkan semula putaran pelaburan global. Pada tahun 2003, penyusutan nilai dolar AS yang ketara mendominasi pasaran pertukaran wang asing berikutan kebimbangan terhadap jurang yang semakin luas antara ketidakseimbangan fiskal dan akaun semasa. Di Asia, pengukuhan permintaan dalam negeri menghasilkan peningkatan ketara dalam perdagangan serantau.

Di **AS**, kadar pemulihan bertambah cepat pada separuh tahun kedua dengan pertumbuhan sebanyak 5.8% (separuh tahun pertama: 2.1%). Walaupun pasaran buruh adalah lemah, perbelanjaan isi rumah merupakan penyumbang utama pertumbuhan, dengan penggunaan melonjak sebanyak 4.9% pada separuh tahun kedua. Walaupun potongan cukai memberi rangsangan yang ketara, perbelanjaan pengguna juga mendapat manfaat daripada kadar faedah dan kadar gadai janji yang rendah. Selain daripada itu, kemewahan isi rumah juga meningkat berikutan peningkatan semula pasaran saham. Yang lebih penting, perbelanjaan perniagaan bagi peralatan dan perisian komputer pulih semula berikutan peningkatan produktiviti yang juga meningkatkan kadar keuntungan serta membaiki kedudukan kewangan korporat. Data terkini menunjukkan pertumbuhan KDNK benar mengembang sebanyak 4.1% pada suku terakhir tahun 2003. Secara keseluruhannya, pertumbuhan dibantu oleh sumbangan positif

daripada penggunaan, pelaburan, eksport dan pengumpulan inventori.

Pertumbuhan di **Jepun** meningkat pada suku kedua tahun 2003 dan melonjak pada suku tahun keempat, diterajui oleh pengukuhan pertumbuhan eksport ekoran peningkatan perdagangan serantau dan pemulihan perbelanjaan pelaburan. **Kawasan euro** beransur-ansur pulih dibantu oleh perbelanjaan fiskal dan peningkatan eksport bersih. Di **United Kingdom** (UK), pertumbuhan kekal kukuh disokong oleh perbelanjaan sektor awam dan swasta.

Di rantau Asia, walaupun terdapat ketidaktentuan politik dan kesan negatif daripada SARS pada separuh pertama tahun 2003, pertumbuhan negara-negara serantau masih kekal pada 6.2%, iaitu sekali ganda purata global. Penyumbang utama kepada pertumbuhan adalah eksport, didorong oleh arah aliran meningkat kitaran elektronik global dan harga komoditi bukan minyak yang kekal memberangsangkan, dan diperkukuhkan oleh permintaan dalam negeri yang meningkat. Sejajar dengan pemulihan keadaan ekonomi global, momentum perdagangan melonjak pada separuh tahun kedua, dengan kadar pertumbuhan eksport meningkat dua kali ganda kepada 18.6% bagi keseluruhan tahun 2003 (2002: 9.5%). Khususnya, perdagangan serantau terutamanya mencakupi hampir separuh daripada pertumbuhan eksport ekonomi serantau, dengan eksport ke Republik Rakyat China melonjak sebanyak 33%.

Pada tahun 2003, pertumbuhan ekonomi serantau diperteguhkan oleh permintaan asas dalam negeri yang kukuh dengan dibantu oleh dasar monetari dan fiskal yang akomodatif. Pakej rangsangan ekonomi yang diperkenalkan di beberapa negara untuk mengekang kesan negatif SARS, menghasilkan pemulihan yang meluas dalam penggunaan swasta dan industri-industri berkaitan dengan pelancongan pada separuh tahun kedua. Khususnya, penunjuk kewangan di negara serantau pulih pada tahun 2003. Kunci kira-kira perbankan bertambah kukuh sementara hutang sektor korporat menyusut dan kedudukan hutang luar negeri pulih. Penaksiran risiko kredit yang lebih baik pada tahun 2003 dicerminkan oleh peningkatan penarafan bagi Republik Rakyat China, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand oleh agensi-agensi penarafan antarabangsa.

Antara negara-negara serantau, pertumbuhan ekonomi terus diterajui oleh Republik Rakyat China, dengan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 9.1%, diikuti oleh Thailand dan Malaysia masing-masing pada kadar 6.7% dan 5.2%. Walaupun pertumbuhan ekonomi di Hong Kong China meningkat, pertumbuhan di Ekonomi Perindustrian Baru Asia (NIE Asia), menjadi lebih perlahan kepada 2.9% (2002: 4.5%) disebabkan terutamanya oleh penguncupan permintaan swasta di Korea dan kesan negatif SARS pada ekonomi Singapura dan China Taipei.

Prospek untuk Tahun 2004

Prospek ekonomi global semakin optimistik ekoran pemulihan kukuh pertumbuhan pada separuh kedua tahun 2003. Kebanyakan unjuran pertumbuhan dinaikkan berikumasing-masing terhadapmasing-masing terhadaptan prospek yang bertambah baik. Bagi tahun 2004, keluaran dan perdagangan dunia diunjur akan meningkat pada kadar yang lebih cepat masing-masing sebanyak 4.1% dan 5-6%. Bahagian ekonomi rantau Asia dalam perdagangan dunia juga meningkat. Sumbangan rantau ini kepada perdagangan barangan dan perkhidmatan dunia telah meningkat daripada 16.3% pada tahun 1994 kepada 19.6% pada tahun 2002. Prestasi eksport yang baik dan pertumbuhan berterusan dalam penggunaan sektor swasta dan perkembangan pelaburan dijangka akan menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih tinggi bagi ekonomi rantau Asia pada tahun 2004.

Dalam suasana inflasi yang rendah, kadar pertumbuhan di AS dijangka disokong oleh dasar kewangan dan fiskal mengembang yang telah lama dilaksanakan serta peningkatan produktiviti, pelaburan dan pengumpulan semula inventori. Pertumbuhan di kawasan euro dijangka beransur-ansur pulih lanjutan daripada dasar fiskal mengembang yang dilaksanakan oleh negara-negara utama di kawasan euro. Sementara pemulihan ekonomi di Jepun dipengaruhi oleh masalah jangka panjang struktur ekonomi, tekanan deflasi telah mula reda dan tanda-tanda pemulihan ekonomi yang mapan mula kelihatan sejak separuh kedua tahun

Prospek global bertambah baik, disokong oleh keteguhan dan pertumbuhan yang menyeluruh di negara-negara maju yang utama.

2003. Di UK, pertumbuhan ekonomi dijangka kekal mapan didorong oleh penggunaan sektor awam dan swasta.

Negara-negara Perindustrian Utama

Pada tahun 2004, pertumbuhan ekonomi **AS** dijangka kekal kukuh dan lebih menyeluruh dengan pertumbuhan KDNK benar bertambah kukuh kepada 3.9% daripada 3.1% pada tahun 2003. Pertumbuhan penggunaan dijangka berterusan tetapi pada kadar yang lebih sederhana dengan berkurangnya rangsangan daripada pinjaman semula gadai janji dan potongan cukai. Pelaburan dijangka memberi sumbangan yang lebih tinggi kepada pertumbuhan walaupun masih terdapat lebihan kapasiti di beberapa sektor ekonomi. Peningkatan perbelanjaan peralatan dan perisian dijangka menyumbang kepada pertumbuhan pelaburan. Keuntungan korporat dan peningkatan kapasiti dijangka menyumbang kepada perbelanjaan perniagaan manakala pengumpulan semula inventori daripada paras terendah dalam sedekad akan membantu pertumbuhan.

Di **kawasan euro**, pertumbuhan KDNK benar dijangka berkembang sebanyak 1.6% pada tahun 2004. Permintaan dalam negeri kekal lembap akibat pasaran buruh yang lemah dan ketidaktentuan mengenai penyusunan semula kebajikan sosial. Walau bagaimanapun, kadar faedah yang rendah dan peningkatan pendapatan benar akan menyumbang kepada pertumbuhan. Di samping itu, aktiviti pelaburan dijangka pulih berikutan permintaan global yang meningkat dan pengumpulan semula inventori. Walaupun keyakinan perniagaan bertambah baik, pertumbuhan di Jerman dijangka sederhana disebabkan oleh keadaan pasaran buruh yang lemah dan penyederhanaan pertumbuhan perbelanjaan swasta. Walaupun eksport kawasan euro dijangka terus meningkat berikutan permintaan global yang bertambah kukuh, kenaikan nilai euro yang mendadak dan berterusan akan menjejaskan eksport, keuntungan korporat dan pertumbuhan. Pemulihan mapan kawasan euro bergantung sebahagian besarnya kepada pemulihan permintaan dalam negeri.

Pertumbuhan berterusan di Amerika Syarikat dengan pemulihan bertambah kukuh di Jepun dan Eropah dan pertumbuhan di Asia didorong oleh pemulihan pelaburan

Ekonomi **UK** dijangka kekal mapan dengan pengukuhan pemulihan ekonomi global. Pertumbuhan dianggarkan pada 2.3% pada tahun 2004, lebih tinggi daripada trendnya. Pelaburan dijangka pulih berikutan peningkatan keuntungan korporat sementara perbelanjaan fiskal dijangka meningkat dengan sederhana. Penggunaan dijangka mengembang tetapi pada kadar yang sederhana disebabkan oleh pertumbuhan pendapatan boleh guna yang lebih perlahan. Pemulihan eksport akan dipengaruhi oleh pergerakan kadar pertukaran asing dan juga keadaan permintaan di kawasan euro. Walaupun harga rumah meningkat dengan pesat, peningkatan kos pinjaman sejak kebelakangan ini dijangka dapat mengekang sebarang kenaikan harga.

Pemulihan ekonomi **Jepun** dijangka dapat dikekalkan. Faktor penyumbang utama kepada pemulihan adalah peningkatan eksport, pengukuhan aktiviti pelaburan berikutan keyakinan perniagaan yang meningkat, keuntungan korporat serta peningkatan penggunaan hasil daripada peningkatan pendapatan persendirian dan keadaan pekerjaan yang lebih stabil. Langkah-langkah sedang diambil bagi menangani deflasi dan kelemahan jangka panjang struktur sektor korporat dan perbankan.

Graf 3.1
Negara-negara Perindustrian Utama: Pertumbuhan KDNK Benar (2003-2004)



a Awalan
r Ramalan

Inflasi dijangka kekal rendah di negara-negara perindustrian utama pada tahun 2004. Walaupun inflasi dijangka kekal rendah pada 1.3%, kenaikan harga minyak mentah boleh menyebabkan tekanan inflasi terutamanya di AS. Di kawasan euro pula, kekuatan mata wang euro dapat mengimbangi kesan harga minyak mentah yang tinggi. Walaupun dengan prospek pertumbuhan yang bertambah baik, ekonomi Jepun dijangka terus menghadapi tekanan deflasi.

Pada tahun 2004, harga minyak dijangka kekal tinggi berbanding dengan skala yang ditetapkan oleh Organisasi Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) (AS$22-28 setong). Ini berikutan kenaikan permintaan sejajar dengan pertumbuhan ekonomi global yang semakin kukuh. Pada bulan Februari 2004, OPEC mengumumkan iaitu bermula pada 1 April 2004, kadar maksimum pengeluaran akan dikurangkan sebanyak sejuta tong sehari, dengan jangkaan terdapat lebihan pengeluaran pada suku tahun kedua berikutan permintaan bermusim yang lebih rendah. Tambahan pula, ketidakpastian pengeluaran minyak, terutamanya di Iraq dan sentimen positif pelabur di pasaran komoditi dijangka menyebabkan kenaikan harga.

Pertumbuhan ekonomi serantau lebih tinggi dan meluas pada tahun 2004, dengan pengembangan eksport, penggunaan dan pelaburan.

Ekonomi Asia Timur

Prospek **pertumbuhan di rantau Asia diramalkan lebih kukuh** antara 6.6-6.8% pada tahun 2004. Kebanyakan negara serantau dijangka menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat, diterajui oleh Republik Rakyat China. Secara keseluruhan, pertumbuhan ekonomi serantau dijangka lebih meluas, dengan permintaan dalam dan luar negeri menjadi pendorong kepada pertumbuhan yang lebih pesat.

Dari segi sektor luaran, pertumbuhan ekonomi dijangka mendapat manfaat daripada pengukuhan kitaran yang meningkat bagi industri elektronik. Selain daripada permintaan elektronik pengguna, iaitu faktor utama pertumbuhan jualan separa konduktor pada tahun 2003, perbelanjaan perniagaan untuk penggantian alat IT yang lebih tinggi dan pemulihan pelaburan juga dijangka akan meningkatkan jualan. Dari segi penawaran, industri tersebut diramalkan mencatat pengembangan kapasiti yang mapan, terutamanya dalam pelaburan peralatan, seperti mana yang berlaku semasa sektor elektronik mengalami arah aliran meningkat pada tahun 2000. Dengan penggunaan kapasiti melebihi 90% pada tahun 2003, pelaburan dalam peralatan dan mesin dijangka meningkat sebanyak 36-42%, pada asas tahunan pada tahun 2004 (2003: 12.4%). Aktiviti pelaburan yang lebih tinggi di sepanjang tahun dijangka didorong oleh kemasukan pelaburan langsung asing dan pengukuhan rangkaian pengeluaran serantau. Oleh itu, perdagangan serantau dijangka terus berkembang.

Dari segi permintaan dalam negeri, penggunaan swasta diramalkan terus mengukuh pada tahun 2004, disokong oleh pendapatan boleh guna yang meningkat dan kadar faedah yang kekal rendah di hampir kesemua negara serantau. Kecuali Korea, pinjaman kepada sektor isi rumah di kebanyakan negara serantau masih di bawah tahap sebelum krisis. Ini menunjukkan masih terdapat potensi pinjaman akan terus berkembang. Kesan selsema burung kepada pertumbuhan ekonomi adalah kecil memandangkan industri ternakan hanya merangkumi sebahagian kecil daripada KDNK, antara 0.1% di Jepun kepada 15% di Kemboja. Perkembangan penting pada tahun ini adalah pengembangan aktiviti pelaburan, yang telah mula meningkat semenjak separuh kedua tahun 2003. Faedah daripada penstrukturan semula sektor korporat telah menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi di samping peningkatan pinjaman bank dan modal ekuiti, yang semuanya dijangka meningkatkan aktiviti pelaburan pada tahun ini. Mencerminkan usaha untuk mempelbagaikan struktur ekonomi, langkah utama yang diambil oleh hampir kesemua negara serantau sejak beberapa tahun kebelakangan ini adalah untuk merangsang pelaburan dalam sektor perkhidmatan. Yang paling penting ialah, pelaburan dalam negeri dijangka meningkat pada tahun ini berikutan galakan yang diberikan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi, kebanyakan negara serantau diramalkan mencatat kedudukan fiskal yang lebih baik.

Bagi tahun 2004, prospek ekonomi global dijangka cenderung untuk meningkat, berikutan pemulihan permintaan yang lebih kukuh. Pertumbuhan ekonomi global dijangka disokong oleh pengembangan penggunaan dan pelaburan swasta yang berterusan, pengukuhan pasaran buruh di AS serta kesan positif daripada pembaharuan kepada sistem cukai dan pasaran buruh di Eropah. Oleh itu, prospek bagi pertumbuhan ekonomi negara Asia serantau kekal menggalakkan.

Pada tahun 2004, pertumbuhan KDNK benar di **Ekonomi Perindustrian Baru Asia (NIE Asia)** sebagai satu kumpulan, diramalkan mengukuh kepada 5-5.2%, didorong oleh prestasi eksport yang memberangsangkan dan peningkatan permintaan dalam negeri.

Di **Korea**, KDNK benar diramalkan mencatat pertumbuhan sebanyak 5.2% pada tahun 2004. Sektor eksport masih menjadi peneraju utama pengembangan ekonomi. Insentif cukai, peningkatan perbelanjaan pelaburan dan langkah-langkah untuk memulihkan hubungan antara buruh dan pengurusan, serta penggalakan PKS dijangka memulihkan prospek pekerjaan. Oleh itu, penggunaan swasta dijangka pulih pada separuh tahun kedua.

Pada tahun 2004, pertumbuhan di **Hong Kong China** diramalkan meningkat kepada 6%, iaitu kadar yang tertinggi dalam masa empat tahun. Perjanjian Perkongsian Ekonomi yang Lebih Rapat *(CEPA)* dengan Republik Rakyat China yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2004, dijangka menjadi pendorong kepada perkembangan ekonomi. Ia merupakan perjanjian perdagangan asing dua hala terperinci yang pertama di rantau Asia dan meliputi lebih banyak jenis barangan serta pembukaan 17 sektor perkhidmatan. Keadaan ekonomi dalam negeri yang semakin teguh dan permintaan yang kukuh dari Republik Rakyat China akan menyokong pekerjaan dan sektor perkhidmatan, termasuk sektor pelancongan dan kewangan.

Graf 3.2
Negara-negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar



Pertumbuhan ekonomi **China Taipei** dijangka lebih tinggi pada 4.7%, didorong oleh pelaburan dan eksport. Perbelanjaan pelaburan bagi tahun ini diramalkan lebih tinggi disebabkan perbelanjaan kerajaan untuk projek pembinaan dan pemulihan semula pelaburan swasta dalam sektor perkilangan. Seiring dengan pengukuhan kitaran meningkat sektor elektronik global, eksport akan mendapat manfaat daripada kelebihan daya saing negara tersebut dalam perkilangan kontrak, termasuk fabrikasi wafer, komputer bimbit dan barangan elektronik pengguna.

Di **Singapura**, pertumbuhan ekonomi dijangka mengukuh antara 3.5-5.5% pada tahun 2004. Ini disebabkan terutamanya oleh pemulihan dalam perbelanjaan IT global. Pemulihan permintaan pengguna dijangka disumbangkan oleh sentimen positif berikutan pemulihan keadaan pasaran buruh dan kadar faedah yang rendah.

Ekonomi **ASEAN** sebagai satu kumpulan diramalkan berkembang pada kadar yang lebih pantas pada 4.9-6% pada tahun 2004, dengan sumbangan kepada pertumbuhan yang lebih tinggi dari permintaan dalam dan luar negeri. Di kalangan kumpulan tersebut, **Thailand** dijangka mencatat pertumbuhan keluaran yang paling kukuh, pada kadar 6.3-7.3%. Berikutan penggunaan kapasiti yang meningkat, pertumbuhan pelaburan dijangka lebih tinggi, dengan sebahagian besar daripada pelaburan terdiri daripada pelaburan sektor swasta dalam sektor perkilangan, dan dibantu oleh projek infrastruktur sektor awam.

Di **Filipina**, pertumbuhan KDNK benar dijangka berkembang sebanyak 4.9-5.8%, didorong terutamanya oleh eksport elektronik yang lebih tinggi. Kiriman wang dari luar negara yang terus kukuh serta pengeluaran hasil ladang yang menggalakkan diramal menyumbang kepada

pertumbuhan penggunaan swasta. Pertumbuhan di **Indonesia** dijangka meningkat antara 4-5%, dengan penggunaan swasta kekal sebagai sumber utama pertumbuhan ekonomi. Dengan peluang yang lebih mudah untuk mendapat pinjaman pada kadar faedah yang lebih rendah dalam keadaan inflasi yang menurun, penggunaan swasta dijangka terus mencatat pertumbuhan yang mapan.

Republik Rakyat China diramalkan mencatat pertumbuhan ekonomi tertinggi pada kadar 8.3% pada tahun 2004. Walaupun eksport dan permintaan swasta diramalkan terus meningkat, perbelanjaan pelaburan dijangka menyederhana selaras dengan dasar kerajaan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih seimbang dan mapan.

Pada tahun 2004, inflasi di **negara serantau** dijangka kekal rendah antara 2.4-2.7%. Walau bagaimanapun, inflasi di **NIE Asia** sebagai satu kumpulan, dijangka meningkat sedikit kepada antara 1.4-1.5%. Di Korea, inflasi dijangka menyederhana berikutan harga-harga makanan dan minyak yang stabil dan tekanan permintaan yang berkurangan. Negara-negara NIE Asia yang lain dijangka mencatat arah aliran harga pengguna yang meningkat berikutan peningkatan aktiviti ekonomi. Walaupun tekanan deflasi dijangka berkurangan di Hong Kong China, harga pengguna di China Taipei dijangka menjadi positif dengan kenaikan harga pada tahun 2004, berbanding dengan penyusutan harga yang dialami dua tahun sebelumnya.

Sementara itu, inflasi di negara-negara **ASEAN** sebagai satu kumpulan dijangka kekal stabil antara 3-4.3% pada tahun 2004. Di Indonesia, tekanan harga dijangka terus reda, dengan pertumbuhan upah yang lebih perlahan dalam keadaan lebihan kapasiti yang berlebihan. Sebaliknya, inflasi di Filipina diramalkan terus meningkat, menunjukkan tekanan permintaan yang lebih tinggi kesan daripada pengukuhan pertumbuhan ekonomi. Di Thailand, tekanan harga diramalkan sederhana berikutan keadaan permintaan dalam negeri yang berterusan mapan.

Kadar Faedah dan Kadar Pertukaran Mata Wang Asing

Pada tahun 2003, negara-negara perindustrian utama masih mengekalkan **dasar monetari yang akomodatif**. Keadaan ekonomi yang lembab, terutamanya pada separuh tahun pertama, mendorong beberapa bank pusat menurunkan kadar faedah.

Graf 3.3
Negara-negara Perindustrian: Kadar Faedah Rasmi



Di AS, ***Federal Reserve Board (Fed)*** telah menurunkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas pada 25 Jun 2003 berikutan meningkatnya risiko deflasi. Ekoran tindakan Fed ini, kadar *Federal funds* merosot kepada 1.0%, kadar terendah dalam tempoh lebih daripada 40 tahun, yang menandakan penurunan terkumpul sebanyak 550 mata asas semenjak Fed memulakan dasar pelonggarannya pada awal tahun 2001. Menjelang akhir tahun, ancaman daripada arah aliran inflasi yang menurun mulai reda berikutan pengukuhan pemulihan ekonomi. Sementara itu, tanda-tanda kelemahan ekonomi di kawasan euro terutamanya

Graf 3.4
Pergerakan Dolar Amerika Syarikat Berbanding Mata Wang Utama



pada awal tahun 2003, menyebabkan ***European Central Bank*** menurunkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas pada bulan Mac 2003 dan seterusnya sebanyak 50 mata asas lagi pada bulan Jun 2003. Berikutan itu, tanda aras kadar repo menurun kepada 2%, iaitu penurunan terkumpul sebanyak 275 mata asas semenjak bulan Mei 2001, bertujuan untuk menangani kelembapan ekonomi di kawasan euro.

Di UK, ***Bank of England*** (BOE) menurunkan kadar berian pinjaman asas sebanyak 25 mata asas pada bulan Februari dan Julai 2003 berikutan kebimbangan terhadap kelembapan sektor perkilangan serta permintaan dalam dan luar negeri yang lebih rendah daripada jangkaan awal. Namun, kenaikan ketara harga rumah dan pertumbuhan pinjaman pengguna yang pesat pada separuh tahun kedua, menyebabkan BOE menaikkan kadar faedah pada bulan November 2003 dan sekali lagi pada bulan Februari 2004, terutamanya untuk mengekang kadar pertambahan hutang isi rumah. Sementara itu, di Jepun, sebaik sahaja kadar faedah rasmi jangka pendek hampir mencecah paras sifar, ***Bank of Japan*** terus melaksanakan langkah-langkah pelonggaran secara kuantitatif sepanjang tahun 2003 bagi menyuntik mudah tunai ke dalam sistem perbankan untuk menangani deflasi dan menyokong pemulihan ekonomi.

Bagi tempoh tahun 2004 selanjutnya, sementara momentum pertumbuhan ekonomi semakin kukuh, ekonomi global masih mengalami keadaan kapasiti yang berlebihan. Kapasiti dalam sektor industri yang berlebihan dan pengangguran yang tinggi dalam pasaran buruh mencerminkan adanya jurang keluaran. Oleh itu, walaupun harga komoditi semakin meningkat, kadar inflasi kekal rendah di kebanyakan ekonomi. Namun demikian, di sesetengah negara, peningkatan harga rumah dan kadar pertumbuhan pinjaman yang berlebihan telah mempengaruhi pendirian dasar monetari. Secara keseluruhan, masa dan magnitud tindakan dasar monetari yang diambil adalah bergantung kepada faktor-faktor khusus bagi sesebuah negara, termasuk kekukuhan pertumbuhan ekonomi, arah aliran inflasi dan perkembangan di pasaran mata wang dan kewangan.

Di pasaran **pertukaran wang asing**, nilai dolar AS terus menyusut berbanding kesemua mata wang utama pada tahun 2003, justeru melebarkan lagi penyusutan yang bermula semenjak awal tahun 2002. Selanjutnya, pada akhir tahun 2003, nilai dolar AS menyusut kira-kira 20% berbanding euro dan kira-kira 11% berbanding yen Jepun dan juga paun sterling. Punca arah aliran tersebut ialah tekanan daripada peningkatan defisit akaun semasa yang semakin besar dan pengurangan dalam aliran masuk dana modal ke dalam aset dolar AS. Dalam keadaan dolar AS yang lebih lemah, euro mengukuh nilai pada tahun 2003 dan mencecah kadar rekod yang tertinggi iaitu pada E1=AS$1.2595. Arah aliran ini berterusan sehingga awal tahun 2004 apabila dolar terus menyusut berbanding mata wang utama yang lain.

EKONOMI MALAYSIA PADA TAHUN 2004

Ekonomi Malaysia dijangka bertambah kukuh pada tahun 2004, berdasarkan kepada momentum pertumbuhan yang kukuh pada separuh kedua tahun 2003 dan prospek pertumbuhan global yang lebih baik pada tahun 2004. KDNK benar dijangka meningkat sebanyak 6-6.5% (2003: 5.2%), disokong oleh permintaan dalam negeri yang lebih teguh dan diperkukuhkan oleh permintaan luar negeri yang lebih menggalakkan. Pertumbuhan didorong terutamanya oleh sektor swasta, sementara sektor awam mengukuh secara beransur-ansur. Peningkatan keyakinan pengguna dan peniaga sejak suku kedua tahun 2003, asas ekonomi yang kukuh dan kesan positif daripada langkah-langkah fiskal dan monetari yang menyokong pertumbuhan, dijangka saling mengukuhkan perbelanjaan pengguna yang teguh dan pemulihan dalam aktiviti pelaburan swasta.

Ramalan pertumbuhan pada tahun 2004 adalah berdasarkan kepada pertumbuhan global yang lebih kukuh sebanyak 4.1%, dan diterajui oleh pemulihan serentak di kesemua rantau, pemulihan dalam kitaran elektronik global serta harga minyak sawit mentah dan minyak mentah yang kukuh. Memandangkan pertumbuhan di Asia adalah lebih kukuh daripada purata pertumbuhan global, Malaysia dijangka mendapat manfaat daripada peningkatan perdagangan serantau yang berterusan. Kadar pertumbuhan yang lebih pesat juga berdasarkan kepada kekukuhan dan kepesatan prestasi sektor swasta, terutama kekukuhan dalam pemulihan pelaburan dalam negeri. Bukti mengenai pelaburan baru yang lebih tinggi dan peningkatan kapasiti menunjukkan bahawa pemulihan pertumbuhan ekonomi adalah mapan. Walaupun terdapat kemungkinan risiko yang menjejaskan pertumbuhan, asas ekonomi yang kukuh menyediakan dasar yang teguh bagi daya tahan ekonomi dan pertumbuhan pada masa hadapan.

Walaupun terdapat pemulihan yang ketara dalam persekitaran luaran, Malaysia akan terus meningkatkan strategi untuk mengukuhkan sumber pertumbuhan dalam negeri bagi mengurangkan pendedahan kepada risiko luaran dan mengukuhkan daya ketahanan ekonomi. Oleh itu, walaupun usaha terus dilakukan untuk menggalakkan eksport dan pelaburan langsung asing, tumpuan yang lebih akan diberi untuk meningkatkan sumbangan penggunaan dan pelaburan dalam negeri kepada pertumbuhan.

Penggunaan swasta telah menjadi komponen penting dalam pertumbuhan ekonomi. Langkah-langkah untuk menggalakkan penggunaan dalam negeri telah meningkatkan bahagian penggunaan swasta kepada KDNK (2003: 46.4%; 1999: 43.6%).

KDNK benar meningkat sebanyak 6-6.5% pada tahun 2004, disokong oleh keteguhan permintaan dalam negeri dan diperkukuhkan oleh kepesatan permintaan luar negeri. Sektor swasta menerajui pertumbuhan, sementara Kerajaan terus menyediakan persekitaran yang menyokong pertumbuhan.

Walau bagaimanapun, bahagian penggunaan swasta kepada KDNK ini secara relatifnya rendah berbanding negara-negara lain di rantau ini, yang mempunyai bahagian lebih tinggi antara 50-70% daripada KDNK. Dari segi kecenderungan mengguna purata (APC), APC Malaysia juga lebih rendah (pada julat antara 0.45-0.49 pada lima tahun lepas) berbanding negara-negara lain di rantau ini (melebihi 0.55). Oleh yang demikian, memandangkan kepada paras pendapatan yang stabil dan kadar simpanan yang tinggi, terdapat potensi untuk meningkatkan lagi sumbangan penggunaan dalam negeri kepada pertumbuhan, tanpa meningkatkan risiko kepada ekonomi.

Pada akhir tahun 2003, hutang isi rumah mencakupi sebanyak 58.9% daripada KDNK (akhir tahun 2002: 56.8%). Paras ini kekal rendah berbanding negara-negara lain. Beban khidmat hutang mencakupi 16.4% daripada KDNK. Jika termasuk pembayaran kad kredit, nisbahnya adalah 24%. Walaupun hutang isi rumah meningkat, kemampuan mereka untuk menjelaskan hutang terus bertambah baik. Ini dicerminkan oleh penurunan pinjaman tidak berbayar isi rumah kepada 8% pada akhir tahun 2003, daripada 8.5% pada akhir tahun 2002. Kemampuan isi rumah untuk menjelaskan hutang juga dicerminkan oleh peningkatan pendapatan boleh guna dan pengumpulan simpanan. Deposit isi rumah, sebagai peratusan daripada KDNK, kekal tinggi pada 66.6% pada akhir tahun 2003 (akhir tahun 2002: 67.3%).

Sementara itu, pelaburan swasta dijangka menjadi peneraju pertumbuhan yang semakin penting. Beberapa langkah dilaksanakan akhir-akhir ini untuk meningkatkan sumbangan pelaburan kepada pertumbuhan, terutamanya pelaburan oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Sektor PKS akan terus dibangunkan dan disepadukan dalam arus perdana pembangunan perindustrian dan teknologi untuk menyokong industri dalam negeri. Ini mengukuhkan lagi rantaian dalam ekonomi dan menyumbang ke arah keteguhan pembangunan ekonomi dalam negeri.

Dalam hal ini, strategi utama Bajet 2004 memperkukuhkan langkah-langkah dalam Pakej Ekonomi untuk memantapkan lagi sumber pertumbuhan dalam negeri dan membantu sektor swasta mengambil alih peranan utama sebagai peneraju pertumbuhan. Teras strategi Bajet 2004 tertumpu pada penyediaan persekitaran yang menyokong usaha sektor swasta di samping pengurangan perbelanjaan Kerajaan secara beransur-ansur. Untuk tujuan ini, beberapa insentif cukai dan bukan cukai disediakan untuk meningkatkan sumber pertumbuhan dalam negeri

Graf 3.5
Perbandingan Antarabangsa Hutang Isi Rumah[1]
(% daripada KDNK nominal, 2003)



[1] Tanggungan kewangan isi rumah dengan sistem perbankan

dalam bidang-bidang khusus, dengan memberi penekanan berterusan ke atas sektor perkhidmatan (terutamanya pendidikan swasta, kesihatan dan pelancongan), membangunkan PKS sebagai pemangkin utama pertumbuhan, dan pertanian sebagai enjin ketiga pertumbuhan. Insentif tambahan juga disediakan untuk menggalakkan pengilang meningkatkan nilai rantaian bagi menjalankan aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi seperti penyelidikan dan pembangunan. Langkah-langkah juga terus memberi tumpuan pada peningkatan kecekapan dan produktiviti serta keseluruhan daya saing untuk membolehkan syarikat Malaysia bersaing di peringkat global. Ini termasuklah insentif untuk mengurangkan kos perniagaan dan peningkatan inovasi melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang lebih banyak.

pertukaran asing sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mengurangkan kos pengawalseliaan serta meningkatkan keseluruhan kecekapan perniagaan dan institusi perbankan. Perubahan ini adalah untuk mencapai tiga objektif utama:

- Menggalakkan kecekapan dan pengurusan risiko;
- Memudahkan pengurusan dana dan mempelbagaikan risiko; dan
- Mendalamkan pasaran modal

Permintaan Dalam Negeri

Faktor-faktor positif yang menyokong permintaan dalam negeri pada tahun 2003 akan terus memacu momentum pertumbuhan pada tahun 2004. Kadar pertumbuhan pelaburan swasta yang bertukar positif pada tahun 2003 dijangka bertambah pesat pada tahun ini, dengan sumbangan yang lebih ketara kepada pertumbuhan ekonomi. Penggunaan swasta juga dijangka terus kukuh pada tahun 2004. Kesan dasar fiskal dan kadar faedah rendah yang meningkatkan pertumbuhan akan terus menyokong aktiviti sektor swasta.

Permintaan luar negeri yang kukuh, kedudukan aliran tunai syarikat yang bertambah baik, penggunaan kapasiti yang lebih tinggi dan kadar faedah yang rendah akan menguatkan dan mengukuhkan pertumbuhan pelaburan swasta, sementara harga komoditi yang kukuh dan pasaran tenaga pekerja yang stabil akan terus mendorong penggunaan swasta.

Defisit fiskal Kerajaan dijangka mengecil kepada 4.5% daripada KDNK pada tahun 2004 daripada 5.3% pada tahun 2003 mencerminkan pengukuhan fiskal secara beransur-ansur. Dengan kadar inflasi yang kekal rendah, dasar monetari pada tahun 2004 terus memberi tumpuan pada pengekalan momentum pertumbuhan. Persekitaran kadar faedah yang rendah akan dikekalkan bagi mengukuhkan lagi pertumbuhan yang diterajui oleh sektor swasta. Dalam hal ini, usaha terus ditumpukan untuk memperbaiki pengaliran kredit kepada sektor yang berpotensi untuk meningkat, terutamanya PKS dan bidang pertumbuhan baru. Selain sistem perbankan, peluang baru juga akan dibangunkan untuk meningkatkan peluang PKS mendapatkan dana daripada pasaran modal.

Pada tahun 2004, pertumbuhan juga akan disokong oleh peningkatan produktiviti. Produktiviti dijangka meningkat memandangkan terdapatnya infrastruktur dan usaha untuk memperbaiki kemahiran melalui penggunaan teknologi. Faktor penting yang akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti adalah kecekapan dalam sistem serahan untuk perkhidmatan sektor awam. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia melonggarkan lagi peraturan

Pertumbuhan juga akan diperkukuhkan oleh permintaan luar negeri yang bertambah baik dengan

Jadual 3.2
KDNK Benar mengikut Perbelanjaan (1987=100)

	2003*a*	2004*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Permintaan dalam negeri[1]	**4.8**	**5.0**
Perbelanjaan sektor swasta	4.3	8.7
Penggunaan	*5.1*	*8.1*
Pelaburan	*1.1*	*11.5*
Perbelanjaan sektor awam	5.5	-1.3
Penggunaan	*7.9*	*4.2*
Pelaburan	*3.6*	*-5.7*
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**20.5**	**0.8**
Eksport	6.3	12.1
Import	5.0	13.3
Keluaran Dalam Negeri Kasar	**5.2**	**6.0 - 6.5**

[1] Tidak termasuk stok.
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 3.3
Sumbangan Komponen Permintaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar

	2003*a*	2004*r*
	% mata sumbangan	
Permintaan dalam negeri[1]	**4.3**	**4.5**
Perbelanjaan sektor swasta	2.5	4.9
Penggunaan	*2.4*	*3.7*
Pelaburan	*0.1*	*1.1*
Perbelanjaan sektor awam	1.8	-0.4
Penggunaan	*1.1*	*0.6*
Pelaburan	*0.7*	*-1.0*
Perubahan dalam stok	-1.1	1.5
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**2.0**	**0.1**
Eksport	6.9	13.3
Import	4.9	13.2
Keluaran Dalam Negeri Kasar	**5.2**	**6.0 - 6.5**

Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan penggenapan.
[1] Tidak termasuk stok.
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pengukuhan ekonomi rakan perdagangan Malaysia yang utama. Walaupun pertumbuhan eksport dijangka meningkat dengan ketara, sumbangan daripada eksport bersih kepada pertumbuhan ekonomi dijangka kecil memandangkan import akan meningkat dengan lebih pesat berikutan pemulihan dalam pelaburan swasta dan pengembangan ekonomi yang lebih kukuh. Dengan perkembangan tersebut, sektor swasta dijangka mengambil alih semula peranan sebagai peneraju pertumbuhan, dengan sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi berganda daripada 2.5 mata peratusan pada tahun 2003 kepada 4.9 mata peratusan pada tahun 2004. Perbelanjaan awam akan berkurangan sedikit pada tahun 2004 mencerminkan dasar fiskal yang mengukuh.

Pertumbuhan **penggunaan swasta** yang berdaya tahan pada tahun 2003, dijangka bertambah kukuh kepada 8.1%, sejajar dengan peningkatan keyakinan pengguna. Kecenderungan untuk berbelanja akan terus meningkat kesan daripada harga komoditi yang terus kukuh, perolehan eksport yang lebih tinggi, persekitaran kadar faedah yang rendah, pasaran tenaga pekerja yang stabil dan kesan positif kekayaan akibat kenaikan harga ekuiti. Jumlah pendapatan isi rumah dijangka meningkat sejajar dengan pemulihan suasana perniagaan dan peningkatan produktiviti. Langkah-langkah rangsangan yang dilaksanakan akan terus memberi kesan positif terhadap keupayaan perbelanjaan pengguna. Penurunan dalam caruman pekerja dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan terus meningkatkan pendapatan boleh guna individu pada separuh tahun pertama. Selain daripada peningkatan jumlah pendapatan, kadar tabungan yang tinggi juga meningkatkan keupayaan pengguna untuk berbelanja.

Pelaburan swasta dijangka mengembang pada kadar yang lebih pesat sebanyak 11.5% pada tahun 2004 memandangkan momentum perbelanjaan modal swasta meningkat lagi disebabkan oleh sentimen perniagaan yang lebih positif, kedudukan aliran tunai korporat yang lebih baik dan kadar penggunaan kapasiti yang tinggi. Kitaran penggantian teknologi maklumat juga akan menyebabkan peningkatan pelaburan dalam peralatan dan perisian. Pembentukan modal sektor swasta akan disokong oleh peningkatan perbelanjaan modal terutamanya, dalam sektor perkilangan, minyak dan gas dan perkhidmatan. Pelaburan juga akan disokong oleh aliran masuk pelaburan langsung asing dan pelaburan semula yang stabil.

Perkembangan positif dalam sektor perkilangan, termasuk peningkatan yang ketara dalam projek perkilangan yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan kadar penggunaan kapasiti yang tinggi dijangka akan mendorong aktiviti pelaburan dalam sektor ini. Faktor penyumbang adalah insentif cukai tambahan yang diberi kepada syarikat tempatan untuk pelaburan semula dalam pengeluaran jentera dan kelengkapan dan industri berat. Pelaburan dalam sektor pembinaan akan dikekalkan, sebahagian besarnya daripada pembangunan beberapa projek perumahan serta projek lebuh raya yang diswastakan. Di samping itu, perbelanjaan modal yang tinggi didapati dalam projek infrastruktur utama lain dalam subsektor pengangkutan dan utiliti seperti pembinaan stesen jana kuasa baru, pengembangan kemudahan pelabuhan dan pembangunan projek air. Pelaburan dalam sektor minyak dan gas dijangka meningkat berikutan penemuan minyak laut dalam dan aktiviti cari gali yang sedang dijalankan oleh syarikat-syarikat minyak.

Aktiviti pelaburan baru juga dijangka dalam bidang pertumbuhan baru dalam subsektor teknologi maklumat dan komunikasi dan perkhidmatan perkongsian (seperti ibu pejabat operasi dan operasi pemprosesan) dengan peruntukan dana tambahan di bawah *Malaysian Venture Capital Management (MAVCAP),* peningkatan peranan *Multimedia Development Corporation* sebagai

Liberalisasi dan Pemudahan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing

Malaysia mengekalkan peraturan pentadbiran pertukaran asing yang liberal. Dalam sistem yang liberal ini, keperluan mendapat kebenaran bagi aliran masuk dan keluar dana adalah semata-mata sebagai langkah berhemat untuk memastikan kestabilan kewangan. Peraturan tersebut telah dilaksanakan secara telus dan pragmatik. Peraturan pentadbiran pertukaran asing juga dilaksanakan berdasarkan keperluan untuk mencegah sebarang pengubahan wang haram dan pembiayaan kewangan oleh pengganas melalui sistem perbankan Malaysia.

Seiring dengan dasar meliberalisasikan sektor kewangan secara progresif dan beransur-ansur, beberapa dasar pentadbiran pertukaran asing yang utama telah diliberalisasikan dan dipermudahkan bertujuan meningkatkan suasana perniagaan dan kecekapan serta daya saing operasi perniagaan di Malaysia berkuat kuasa 1 April 2004. Perubahan ini adalah sebahagian daripada inisiatif Bank Negara Malaysia yang berterusan bagi menyumbang ke arah pasaran modal yang mantap serta meningkatkan kecekapan sistem perkhidmatan pengawalan.

(i) Peraturan Mengenai Laporan Urus Niaga Pertukaran Asing

Walaupun peraturan yang memerlukan pengeksport menghantar balik perolehan daripada pengeksportan barangan (perolehan eksport) mengikut tempoh yang ditetapkan dalam kontrak di mana ia tidak boleh melebihi enam bulan dari tarikh eksport dikekalkan, peraturan bagi mengemukakan laporan bagi urus niaga tersebut telah dimansuhkan atau dipermudahkan bagi mengurangkan kos pentadbiran perniagaan.

- Keperluan melengkapkan Borang P (untuk pembayaran ke luar negeri) dan Borang R (bagi penerimaan dari luar negeri) oleh pemastautin telah dimansuhkan sejak 1 Januari 2004. Maklumat seperti yang terdapat dalam Borang P dan R masih dilaporkan oleh bank-bank yang membuat pengiriman atau penerimaan kepada Bank Negara Malaysia menerusi sistem talian terus.

- Untuk memudahkan operasi perniagaan, keperluan membuat laporan kepada Bank Negara Malaysia telah dilonggarkan lagi berkuat kuasa 1 April 2004. Keperluan mengemukakan laporan tahunan untuk pengeksportan barangan oleh semua pengeksport telah dimansuhkan. Hanya pengeksport yang mempunyai jumlah eksport kasar melebihi RM50 juta setahun perlu mengemukakan laporan suku tahunan. Proses mengemukakan laporan tersebut juga sedang dipermudahkan. Mekanisme laporan yang sesuai akan dibentuk dengan mengambil kira operasi perniagaan syarikat.

(ii) Akaun Mata Wang Asing Pemastautin

Peraturan berkaitan penyelenggaraan akaun mata wang asing pemastautin terus diliberalisasikan selepas diberi kelonggaran pada bulan April 2003. Liberalisasi ke atas had-had yang dikenakan adalah bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pengurusan aliran dana bagi menyokong pengembangan nilai berangkai di Malaysia. Peraturan ke atas akaun mata wang asing individu pemastautin juga dilonggarkan untuk memberi fleksibiliti dalam pengurusan pendapatan dan simpanan.

- Berkuat kuasa 1 April 2004, had semalaman akaun mata wang asing eksport Syarikat Ibu Pejabat Operasi yang Dibenarkan ditingkatkan kepada AS$100 juta daripada AS$70 juta.

- Had semalaman bagi akaun mata wang asing eksport oleh lain-lain pengeksport pemastautin juga ditingkatkan. Had baru yang berdasarkan jumlah purata perolehan bulanan eksport adalah seperti berikut:

Purata Bulanan Perolehan Eksport (RM juta)	Had Semalaman (AS$ juta)
Melebihi RM100 juta	100
Melebihi RM50 juta sehingga RM100 juta	60
Sehingga RM50 juta atau untuk pengeksport baru	30

- Selain itu, pengeksport pemastautin diberi pilihan untuk menggabungkan akaun mata wang asing eksport dan bukan eksport sejajar dengan had semalaman yang dikenakan ke atas akaun mata wang asing eksport.

- Syarikat pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit tempatan juga boleh membuka akaun mata wang asing, tanpa had semalaman, dengan bank berlesen tempatan untuk menempatkan perolehan dalam mata wang asing yang bukan dari pengeksportan barangan. Syarikat pemastautin yang tidak mempunyai kemudahan kredit tempatan juga dibenarkan membuka akaun mata wang asing bukan eksport dengan bank berlesen luar pesisir di Labuan tetapi dengan had agregat semalaman sehingga AS$500,000 sahaja.

- Bagi individu pemastautin, pembukaan akaun mata wang asing untuk tujuan pelajaran dan bekerja di luar negeri terus dibenarkan. Bagaimanapun, berkuat kuasa 1 April 2004, had bagi akaun mata wang asing ini ditingkatkan daripada AS$100,000 kepada had agregat semalaman AS$150,000 setiap satu bagi akaun yang dibuka dengan bank berlesen tempatan dan bank berlesen luar pesisir di Labuan.

- Individu pemastautin yang mempunyai dana di luar negeri (tanpa penukaran daripada ringgit) boleh menyelenggara akaun mata wang asing bukan eksport dalam atau luar negeri, termasuk dengan bank berlesen luar pesisir di Labuan tanpa sebarang had.

- Individu pemastautin di Malaysia yang mempunyai dana mata wang asing juga bebas untuk melabur dalam sebarang produk mata wang asing yang ditawarkan oleh bank berlesen tempatan.

(iii) Kemudahan Kredit dalam Ringgit kepada Bukan Pemastautin

Peraturan bagi pemberian pinjaman ringgit kepada bukan pemastautin diliberalisasikan berkuat kuasa 1 April 2004 bagi memudahkan perniagaan bukan pemastautin di Malaysia. Liberalisasi ini tidak mempunyai kesan ke atas peraturan yang sedia ada untuk tidak mengantarabangsakan ringgit:

- Untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan ringgit bagi keperluan perniagaan di Malaysia, semua had pinjaman ringgit yang dibenarkan untuk pelbagai tujuan oleh institusi perbankan kepada bukan pemastautin (tidak termasuk syarikat broker saham, bank kustodian dan bank koresponden bukan pemastautin) telah digabungkan kepada satu had agregat dan ditingkatkan kepada RM10 juta.

  Bukan pemastautin dibenarkan untuk menggunakan kemudahan kredit dalam mata wang ringgit untuk sebarang tujuan di Malaysia kecuali untuk membiayai atau membiayai semula pembelian atau pembinaan harta tanah.

- Berkuat kuasa 1 April 2004, pemastautin (bank dan bukan bank) dibenarkan memberi kemudahan kredit dalam ringgit sehingga tiga pinjaman harta tanah kepada bukan pemastautin untuk membiayai atau membiayai semula pembelian atau pembinaan harta tanah di Malaysia, tidak termasuk untuk pembelian tanah sahaja.

  Sebelum 1 April 2004, hanya institusi kewangan dan majikan pemastautin sahaja yang boleh memberi pinjaman harta tanah kepada bukan pemastautin.

- Bagi syarikat broker saham dan bank kustodian bukan pemastautin, bank berlesen tempatan kini dibenarkan untuk memberi kemudahan overdraf semalaman sehingga RM200 juta (sebelum ini RM10 juta) bagi memudahkan penyelesaian pembelian saham-saham di *Malaysia Securities Exchange Berhad (MSEB).*

(iv) Pelaburan Luar Negeri oleh Individu Pemastautin

- Berkuat kuasa 1 April 2004, individu pemastautin yang bekerja atau tinggal di luar negeri dan mempunyai dana mata wang asing dibenarkan melabur dalam sebarang aset mata wang asing termasuk yang ditawarkan oleh bank berlesen tempatan dan bank berlesen luar pesisir di Labuan. Ini bertujuan memberi fleksibiliti pengurusan dana yang lebih baik.

(v) Pelaburan Luar Negeri oleh Institusi Tempatan

- Berkuat kuasa 1 April 2004, syarikat amanah saham tempatan dibenarkan melabur di luar negeri sehingga keseluruhan jumlah Nilai Aset Bersih (NAV) bagi dana yang dilanggani oleh bukan pemastautin dan sehingga 10% daripada NAV bagi setiap dana yang dilanggani oleh pemastautin. Ini bertujuan untuk memberi lebih kepelbagaian secara geografi dan mempermudahkan proses mendapatkan kebenaran. Dana-dana yang berlainan daripada syarikat pengurusan yang sama atau daripada syarikat yang berlainan juga boleh digabungkan bagi mendapat manfaat ekonomi ikut bidangan apabila membuat pelaburan di luar negeri. Pelaburan-pelaburan tersebut perlu sejajar dengan garis panduan berhemat Suruhanjaya Sekuriti.

- Syarikat insurans dan pengendali takaful tempatan boleh melabur masing-masing sehingga 5% daripada Margin Kesolvenan (MOS) dan sehingga 5% daripada jumlah keseluruhan aset mereka. Selain itu, syarikat insurans dan pengendali takaful juga dibenarkan membuat pelaburan ke luar negeri sehingga 10% daripada NAV dana yang berkaitan dengan pelaburan yang dipasarkan oleh mereka. Pelaburan ini perlu mematuhi peraturan berhemat insurans dan takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

- Pengurus dana/aset boleh membuat pelaburan ke luar negeri sehingga keseluruhan jumlah dana pelaburan pelanggan bukan pemastautin dan sehingga 10% daripada dana pelaburan pelanggan pemastautin. Dana-dana ini boleh digabungkan untuk memberikan manfaat ekonomi ikut bidangan apabila melabur ke luar negeri. Pelaburan yang dibuat tersebut perlu berdasarkan mandat pelanggan-pelanggan mereka serta mematuhi panduan berhemat Suruhanjaya Sekuriti.

(vi) Penerbitan Bon dalam Ringgit oleh Bank-bank Pembangunan Pelbagai Hala dan Syarikat Multinasional Asing

- Untuk memantapkan lagi pembangunan pasaran modal tempatan, Bank-bank Pembangunan Pelbagai Hala (MDB), yang Malaysia adalah ahlinya, dan syarikat multinasional asing (MNC) kini boleh menerbitkan bon mata wang ringgit di Malaysia. Walau bagaimanapun, terbitan bon adalah berdasarkan merit setiap kes.

(vii) Kontrak Tukaran Hadapan

Berkuat kuasa 1 April 2004, peraturan berkaitan perlindungan nilai diliberalisasikan untuk memudahkan pengurusan ekonomi keseluruhan risiko mata wang seperti berikut:

- MDB dan MNC yang menerbit bon mata wang ringgit dibenarkan mengikat kontrak tukaran hadapan dengan bank berlesen tempatan untuk lindung nilai risiko mata wang.
- Begitu juga, bukan pemastautin yang melabur di dalam bon mata wang ringgit yang diterbitkan oleh MDB dan MNC dibenarkan mengikat kontrak tukaran hadapan dengan bank berlesen tempatan untuk lindung nilai risiko mata wang mereka hasil daripada pelaburan dalam bon tersebut.
- Penjualan hadapan perolehan mata wang asing oleh pemastautin dengan bank berlesen tempatan atau bank saudagar yang diluluskan kini boleh dibuat sehingga tempoh sah urus niaga asas selagi urus niaga tersebut disokong dengan komitmen yang sah untuk menerima mata wang tersebut (sebelum ini, perolehan mata wang asing selain daripada perolehan eksport dibenarkan dijual ke hadapan sehingga 12 bulan sahaja).
- Pemastautin juga dibenarkan mengikat kontrak tukaran hadapan untuk menjual mata wang asing yang belum diterima untuk mendapatkan mata wang asing yang lain, dengan bank berlesen atau bank saudagar yang diluluskan sehingga tempoh sah urus niaga asas.
- Syarikat pemastautin dibenarkan menyimpan untuk sementara waktu, sebarang perolehan mata wang asing yang diterima sebelum tarikh matang kontrak tukaran hadapan dalam akaun mata wang asing dengan bank berlesen tempatan di Malaysia sehingga tempoh kontrak tukaran hadapan tersebut matang.
- Pemastautin dibenarkan membuat swap kadar faedah dengan bank berlesen tempatan, bank saudagar yang diluluskan di Malaysia atau bank berlesen luar pesisir di Labuan.

agensi sehenti untuk sektor perkhidmatan terpilih serta insentif tambahan bagi ibu pejabat operasi. Sementara itu, pelaburan dalam sektor pertanian dijangka kekal berikutan langkah-langkah yang diumumkan dalam Pakej Ekonomi dan Bajet 2004 bagi menggalakkan pertanian campuran secara besar-besaran dan memodenkan lagi sektor pertanian.

Pada tahun 2004, perbelanjaan sektor awam dijangka berkurangan secara sederhana. Sungguhpun sektor awam mengukuh secara beransur-ansur, ia terus menyokong pertumbuhan. **Penggunaan sektor awam** dijangka meningkat dengan sederhana sebanyak 4.2% disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan bagi memperbaiki kualiti dan sistem serahan perkhidmatan awam. Sementara itu, **pelaburan awam** akan berkurangan sebanyak 5.7% kepada tahap yang lebih mapan pada tahun 2004 berikutan langkah mempercepatkan pelaksanaan beberapa projek pembangunan pada tahun 2001-2003. Walaupun perbelanjaan pembangunan berkurangan, kesannya ke atas pertumbuhan ekonomi akan diimbangi oleh perbelanjaan sektor swasta yang mempunyai kesan pengganda yang lebih besar ke atas ekonomi. Di samping itu, peningkatan kecekapan dalam peruntukan perbelanjaan dan peningkatan keberkesanan dalam sistem serahan perkhidmatan Kerajaan akan menjana kesan pengganda yang positif ke atas aktiviti sektor swasta. Yang pentingnya, sebahagian besar perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan akan disalurkan kepada projek dan program yang berpotensi untuk mempunyai rantaian dan nilai ditambah yang kukuh. Ini termasuklah kemudahan infrastruktur, pembangunan pertanian dan luar

bandar serta pembangunan pendidikan dan sumber manusia.

Prospek Sektoral

Dari segi pengeluaran, pertumbuhan dijangka disokong oleh prestasi yang lebih kukuh dalam kesemua sektor, kecuali sektor pertanian dan pembinaan. Sektor perkilangan dan perkhidmatan dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan. Sektor pertanian juga dijangka berkembang walaupun pada kadar yang lebih sederhana selepas mencatat prestasi yang kukuh pada tahun 2003. Pertumbuhan dalam sektor pembinaan dijangka agak sederhana disebabkan oleh aktiviti kejuruteraan awam yang lebih lemah.

Dalam **sektor perkilangan**, perubahan struktur yang sedang berlaku menjadi lebih nyata apabila kelebihan bersaing sektor tersebut beralih daripada proses perkilangan intensif pekerja kepada yang diterajui oleh teknologi yang lebih tinggi. Kecekapan yang lebih tinggi dalam penggunaan sumber dicapai melalui syarikat-syarikat perkilangan yang beroperasi pada peringkat serantau, seperti yang ditunjukkan oleh penempatan semula sesetengah industri intensif pekerja ke negara-negara yang mempunyai kos yang lebih rendah. Penunjuk-penunjuk utama seperti sumbangan sektor perkilangan dari segi nilai ditambah dan guna tenaga, aliran pelaburan dan trend pemberhentian pekerja memperlihatkan dengan jelas sektor perkilangan masih mempunyai daya tahan.

Jadual 3.4
KDNK Benar Mengikut Sektor (1987=100)

	2003*a*	2004*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Pertanian	5.5	2.6
Perlombongan	4.8	5.5
Perkilangan	8.2	10.2
Pembinaan	1.9	1.5
Perkhidmatan	4.1	5.2
KDNK Benar	**5.2**	**6.0~6.5**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Arah aliran pelaburan luar negeri kebelakangan ini mencerminkan syarikat-syarikat Malaysia sedang mempertingkatkan sinergi berdasarkan kelebihan lokasi. Hasilnya, meskipun terdapat pelaburan luar negeri, bahagian sektor perkilangan dari segi nilai ditambah (KDNK) dan jumlah guna tenaga kekal tinggi, masing-masing sebanyak 31% dan 28% pada tahun 2003. Guna tenaga dalam sektor perkilangan terus berkembang sementara pemberhentian pekerja terus menyederhana pada tahun 2003. Walaupun pemberhentian pekerja yang berpunca daripada penempatan semula mencakupi satu perlima daripada jumlah pemberhentian pekerja, ia hanya mencakupi 0.2%

Pertumbuhan menyeluruh dalam semua sektor didorong terutamanya oleh pengukuhan kitaran elektronik global, perdagangan dan ketibaan pelancong yang lebih tinggi, serta harga komoditi yang kukuh.

Graf 3.6
Sektor Perkilangan: Bahagian Nilai Ditambah dan Guna Tenaga



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Unit Perancang Ekonomi

Graf 3.7
Sektor Perkilangan: Aliran Keluar Pelaburan Luar Negeri dan Pelaburan Asing yang diluluskan di Malaysia



Sumber: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Bank Negara Malaysia

Jadual 3.5
Perkhidmatan Berkaitan dengan Perkilangan yang Diluluskan

	2000	2001	2002	2003
	Akhir Tempoh			
Ibu Pejabat Operasi (OHQs)	41	50	59	71
Pusat Perolehan Antarabangsa (IPCs)	55	78	109	141
Pusat Pengagihan Serantau (RDCs)	-	-	-	4
Pejabat Serantau	357	404	436	473
Pejabat Perwakilan	673	783	872	1,006

Sumber: MIDA

daripada jumlah guna tenaga dalam sektor perkilangan bagi tempoh 2001 hingga 2003. Di samping itu, pekerjaan baru yang diwujudkan oleh pelaburan asing dalam sektor perkilangan yang diluluskan (2003: 77,182 pekerja) adalah lebih tinggi berbanding dengan pemberhentian pekerja dalam sektor tersebut (2003: 14,967 pekerja). Yang lebih penting, aliran keluar pelaburan luar negeri dalam sektor perkilangan (2003: RM2.3 bilion) masih kecil berbanding dengan pelaburan langsung asing yang diluluskan dalam sektor perkilangan Malaysia (2003: RM15.6 bilion).

Sebagai sebahagian daripada langkah-langkah untuk mempercepatkan perubahan struktur, promosi perkhidmatan yang berkaitan dengan perkilangan telah diperhebatkan dengan penubuhan Bahagian Perkhidmatan Perkilangan di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Hasilnya, bilangan permohonan yang diterima dan kelulusan bagi penubuhan Ibu Pejabat Operasi (OHQ), Pusat Pemerolehan Antarabangsa (IPC), Pusat Pengagihan Serantau (RDC) dan pejabat serantau meningkat pada tahun 2003 (Jadual 3.5). Pada masa hadapan, sektor perkilangan dijangka terus beralih daripada pengeluaran berintensif pekerja dan memberi penekanan yang lebih besar kepada pengeluaran bernilai ditambah yang lebih tinggi dengan tenaga pekerja yang berasaskan pengetahuan yang mempunyai produktiviti dan kemahiran yang lebih tinggi.

Nilai ditambah dalam sektor perkilangan dijangka terus meningkat dengan pesat sebanyak 10.2% pada tahun 2004 (2003: 8.2%), disokong oleh lonjakan dalam industri elektronik global dan permintaan dalam negeri yang lebih baik. Khususnya, industri separa konduktor global dijangka bertambah kukuh, disokong oleh pengembangan menyeluruh dalam kesemua rantau dan keluaran. Ini adalah berdasarkan kepada jangkaan peningkatan kukuh dalam perbelanjaan modal dan pelaburan separa konduktor global sebanyak 27.9% pada tahun 2004 (2003: 5.7%). Kebanyakan pakar industri melahirkan rasa lebih optimistik terhadap prospek bagi industri elektronik dan telah menaikkan unjuran pertumbuhan mereka bagi tahun 2004. Pada sesi dialog yang diadakan antara Bank Negara Malaysia dan sektor swasta, pengilang dalam sektor elektronik di Malaysia juga melahirkan rasa lebih optimistik terhadap prospek bagi industri tersebut pada tahun 2004.

Penunjuk terbaru mencadangkan trend menaik dalam sektor separa konduktor global. Jualan separa konduktor global yang berkembang sejak penghujung tahun 2002, bertambah kukuh dengan nyata untuk mencatat pertumbuhan melebihi 20% pada suku terakhir tahun 2003. Di Amerika Syarikat (AS), penghantaran dan jualan separa konduktor juga meningkat dengan kukuh, manakala nisbah *"book-to-bill"* juga meningkat ke paras melebihi satu sejak suku keempat tahun 2003. Tempahan yang belum dipenuhi bagi keluaran elektronik dan peralatan komunikasi di AS juga meningkat sejak awal tahun 2003. Pertumbuhan dalam industri elektronik dijangka didorong oleh pasaran tanpa wayar dan komputer peribadi (PC) disebabkan oleh peningkatan permintaan bagi aplikasi tanpa wayar serta kitaran penukaran PC apabila syarikat melabur semula selepas perbelanjaan besar mereka sebelum tempoh Y2K. Ini akan diperkukuhkan oleh pertumbuhan dalam segmen keluaran elektronik pengguna apabila permintaan bagi peralatan teknologi baru dan pelbagai guna seperti telefon kamera, *personal digital assistant* (PDA) dan *digital video decoder* (DVD) bertambah pesat.

Sejajar dengan lonjakan dalam industri elektronik global dan kesan limpahan ke atas industri keluaran kimia, pertumbuhan dalam industri berorientasikan eksport dijangka berkembang pada kadar yang lebih pesat sebanyak 13.8% (2003: 11.9%). Begitu juga, pertumbuhan dalam industri berorientasikan pasaran tempatan dijangka bertambah kukuh kepada 8.3% (2003: 6.1%) disebabkan oleh permintaan yang lebih baik bagi kenderaan bermotor dan barangan berkaitan pembinaan.

Sektor perkhidmatan dijangka berkembang pada kadar yang lebih cepat sebanyak 5.2%, mencerminkan perkembangan yang lebih tinggi kebanyakan subsektor. Pertumbuhan ini disokong oleh aktiviti perdagangan dan pelancongan yang lebih tinggi dan perbelanjaan pengguna yang bertambah baik. Paling ketara adalah pertumbuhan subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan

restoran yang dijangka akan meningkat. Begitu juga, pertumbuhan dalam subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi dijangka meningkat sejajar dengan perkembangan pesat dalam perdagangan, peningkatan jumlah penumpang untuk tujuan perniagaan dan pelancongan serta jangkaan pertumbuhan yang kukuh di segmen selular dalam industri telekomunikasi didorong terutamanya oleh inovasi baru. Dengan jangkaan yang meningkat dalam pinjaman bank dan aktiviti perkhidmatan perniagaan dan kewangan yang lain, subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka meningkat dengan kukuh pada tahun 2004. Sektor perkhidmatan juga akan disokong oleh perkembangan yang pesat dalam beberapa bidang pertumbuhan baru, seperti industri perkhidmatan perkongsian, terutamanya pusat panggilan, pusat data, ibu pejabat operasi, pusat pengagihan wilayah dan pusat perolehan antarabangsa serta beberapa jenis pengkhususan dalam perkhidmatan ICT.

Sektor pertanian dijangka terus berkembang, namun pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 2.6% pada tahun 2004, memandangkan pertumbuhan komoditi utama, terutamanya kelapa sawit dan getah, dijangka menjadi lebih perlahan ekoran pertumbuhan yang sangat menggalakkan pada tahun 2003. Sungguhpun hasil keluaran dijangka kekal kukuh dalam keadaan harga minyak sawit yang tinggi, peningkatan keluaran dijangka dihasilkan terutamanya oleh pertambahan dalam kawasan matang. Pengeluaran getah pula diramalkan meningkat ke paras melebihi 700,000 tan, dengan sebahagian besar daripada peningkatan dihasilkan oleh sektor pekebun kecil, memandangkan harga getah yang dijangka kekal tinggi akan terus menggalakkan aktiviti torehan. Pengeluaran komoditi terpilih dalam kumpulan pertanian lain juga dijangka meningkat, diterajui oleh sektor koko (24.3%) dan ternakan (6.5%). Pertumbuhan juga dijangka didorong oleh beberapa tanaman pertanian makanan, seperti sayur-sayuran dan buah-buahan, hasil usaha Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negeri melalui skim Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Sementara itu, pengeluaran padi dijangka meningkat disebabkan penggunaan benih padi berhasil tinggi yang lebih meluas.

Pertumbuhan **sektor perlombongan** diramalkan menjadi kukuh kepada 5.5% pada tahun 2004, didorong oleh pengeluaran gas yang lebih tinggi. Loji Gas Asli Cecair Malaysia (MLNG) yang baru, dijangka beroperasi pada kapasiti pengeluaran yang lebih tinggi bagi memenuhi permintaan yang meningkat. Sementara itu, pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) dijangka stabil pada paras 733,000 tong sehari (2003: 736,000 tong sehari).

Pertumbuhan dalam **sektor pembinaan** dijangka meningkat dengan sederhana pada kadar 1.5% berikutan berkurangnya aktiviti dalam subsektor kejuruteraan awam ekoran penyempurnaan beberapa projek infrastruktur oleh Kerajaan dan juga sektor swasta. Sementara itu, aktiviti dalam subsektor kediaman pula dijangka kekal kukuh dengan bertambahnya permulaan projek perumahan baru pada sembilan bulan pertama tahun 2003, di samping kerja pembinaan projek yang sedang berjalan. Permintaan bagi harta tanah kediaman, terutamanya rumah mampu milik, dijangka kekal menggalakkan didorong oleh insentif yang diberikan di bawah Pakej Ekonomi, khususnya pengecualian duti setem, pelepasan cukai dan pelupusan cukai keuntungan harta tanah sehingga separuh pertama tahun 2004. Aktiviti dalam subsektor bukan kediaman pula dijangka terus lembap, walaupun trend pembangunan dalam subsektor tersebut nampak bertambah baik. Ini berdasarkan kadar pengisian purata bagi ruang pejabat dan kompleks perniagaan yang stabil semenjak suku ketiga tahun 2003.

Harga dan Guna Tenaga

Inflasi dijangka kekal rendah pada 1.5% pada tahun 2004, sementara inflasi teras diunjur pada 1%. Kapasiti yang mencukupi, peningkatan dalam persaingan serta inflasi luar negara yang rendah dijangka mengekalkan inflasi dalam negeri pada kadar yang rendah.

Sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang bertambah kukuh pada tahun 2004, pertumbuhan

Graf 3.8
Harga Pengguna



r Ramalan

keseluruhan **guna tenaga** juga dijangka bertambah baik berikutan peningkatan peluang pekerjaan baru yang menggalakkan. Hasilnya, kadar pengangguran dijangka menyederhana kepada 3.4%. Pada masa yang sama, usaha terus ditumpukan ke arah meningkatkan kualiti dan produktiviti para pekerja untuk memastikan pekerja sentiasa bersedia menghadapi cabaran yang berkaitan dengan perubahan struktur yang sedang berlaku dalam ekonomi. Khususnya, usaha meningkatkan kemahiran dalam perkhidmatan berkaitan perkilangan yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi dan bidang pertumbuhan yang diterajui oleh perkhidmatan dan pengetahuan.

Imbangan Pembayaran

Imbangan pembayaran dijangka kekal kukuh pada tahun 2004, dengan lebihan **akaun semasa** yang kekal tinggi, mencerminkan lebihan yang besar dalam akaun barangan dan akaun perkhidmatan yang bertambah baik. Akaun semasa dalam imbangan pembayaran dijangka kekal besar pada 12.7% daripada KNK pada tahun 2004 walaupun dengan jangkaan pertumbuhan import (15.4%) yang lebih tinggi. Pertumbuhan kukuh eksport (11.1%) yang disokong oleh kitaran meningkat secara keseluruhan dalam permintaan global, dijangka akan menyumbang kepada lebihan akaun perdagangan yang besar. Pertumbuhan ini disokong oleh perkembangan pesat eksport barangan perkilangan (12%), khususnya eksport elektronik, dan pertumbuhan eksport pertanian yang berterusan. Tahap eksport pertanian dan galian yang kekal tinggi, yang mempunyai kandungan import yang rendah, turut memberi sokongan kepada lebihan perdagangan yang besar.

Sejajar dengan lonjakan dalam permintaan separa konduktor global dan pengembangan perdagangan antara serantau, pertumbuhan dalam **eksport perkilangan** dijangka terus bertambah kukuh kepada 12% pada tahun 2004 (2003: 8.2%), dengan eksport yang lebih tinggi bagi keluaran elektronik dan bukan elektronik. Eksport keluaran elektronik dijangka berkembang pada kadar yang lebih pesat sebanyak 14.7%, disokong oleh peningkatan permintaan bagi komputer peribadi, keluaran tanpa wayar dan elektronik pengguna seperti DVD dan kamera digital. Eksport bukan elektronik juga dijangka terus meningkat sebanyak 9.2%, mencerminkan pengembangan dalam eksport keluaran getah, bahan kimia, keluaran kertas dan pulpa, serta perabot dan bahagian-bahagiannya. Meskipun permintaan luar negeri bertambah kukuh, harga eksport dijangka terus kekal lemah disebabkan oleh persaingan global.

Eksport komoditi, yang merangkumi komoditi pertanian dan mineral, diunjurkan meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu 5.5% pada tahun 2004, selepas mencatatkan purata pertumbuhan eksport melebihi 20% selama dua tahun berturut-turut. **Eksport pertanian** diramalkan meningkat sebanyak 8.8% pada tahun 2004 hasil daripada harga yang lebih tinggi dan peningkatan dalam jumlah yang dieksport. Eksport minyak sawit dan getah yang mencakupi hampir 70% daripada jumlah eksport pertanian, akan terus menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan. Harga eksport komoditi

Kedudukan imbangan pembayaran kekal kukuh dengan lebihan akaun semasa dan aliran masuk modal jangka panjang yang kekal besar. Lebihan perdagangan kekal besar disebabkan oleh perkembangan kukuh dalam eksport keluaran elektronik dan pertumbuhan eksport komoditi yang berterusan.

Jadual 3.6
Imbangan Pembayaran

	2003*a*	2004*r*	2003*a*	2004*r*
	RM bilion		AS$ bilion	
Barangan	97.7	96.4	25.7	25.4
Akaun Perdagangan	81.1	76.5	21.4	20.1
Eksport (% perubahan)	*11.5*	*11.1*	*11.5*	*11.1*
Import (% perubahan)	*4.8*	*15.4*	*4.8*	*15.4*
Perkhidmatan	-15.0	-11.9	-4.0	-3.1
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**82.7**	**84.5**	**21.8**	**22.2**
Pendapatan	-22.6	-24.7	-6.0	-6.5
Pindahan semasa	-9.3	-9.8	-2.4	-2.6
Imbangan akaun semasa	**50.8**	**50.0**	**13.4**	**13.2**
(% daripada KNK)	***13.7***	***12.7***	***13.7***	***12.7***
Akaun kewangan	-12.1		-3.2	
Kesilapan dan ketinggalan	0.4		0.1	
dimana:				
Keuntungan penilaian semula pertukaran asing	*11.9*		*3.1*	
Imbangan keseluruhan	**39.1**		**10.3**	

a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 3.7
Eksport dan Import

	2003*a*	2004*r*
	RM bilion	
Eksport kasar	**398.9**	**443.3**
(% perubahan)	***11.5***	***11.1***
Barangan perkilangan	327.0	366.3
(% perubahan)	*8.2*	*12.0*
antaranya:		
Elektronik	167.6	192.3
(% perubahan)	*6.3*	*14.7*
Barangan elektrikal	55.9	60.8
(% perubahan)	*1.9*	*8.7*
Kimia dan keluaran kimia	21.2	23.6
(% perubahan)	*23.3*	*11.3*
Mineral	29.8	30.3
(% perubahan)	*33.1*	*1.8*
Pertanian	33.7	36.7
(% perubahan)	*28.1*	*8.8*
Import kasar	**317.7**	**366.8**
(% perubahan)	***4.8***	***15.4***
Barangan modal	43.5	49.0
(% perubahan)	*0.7*	*12.7*
Barangan pengantara	233.0	269.1
(% perubahan)	*6.4*	*15.5*
Barangan penggunaan	18.9	22.6
(% perubahan)	*1.1*	*19.9*

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pertanian utama dijangka kekal kukuh didorong oleh permintaan global yang menggalakkan dalam keadaan kekangan penawaran yang berterusan bagi beberapa komoditi pada separuh pertama tahun 2004. Paling ketara, harga minyak sawit diramalkan kekal teguh pada RM1,650 setan disebabkan kekangan penawaran global bijirin utama, terutamanya minyak kacang soya yang dijangka tidak dapat diatasi sehingga separuh kedua tahun 2004. Di samping itu, harga getah dijangka terus kukuh kepada 385 sen sekilogram sejajar dengan jangkaan peningkatan kukuh yang berterusan bagi permintaan getah global. Selain itu, pemansuhan kuota import oleh Republik Rakyat China, berkuat kuasa bulan Januari 2004 selaras dengan komitmen mereka di bawah Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), dijangka menyokong pasaran getah antarabangsa.

Eksport mineral dijangka meningkat sedikit iaitu pada kadar 1.8% memandangkan perolehan eksport gas asli cecair yang lebih tinggi diimbangi oleh kemerosotan yang ketara pada eksport minyak mentah. Walaupun harga minyak mentah yang secara relatif adalah tinggi di paras AS$28.50 setong, harga tersebut lebih rendah berbanding dengan harga pada tahun 2003. Harga minyak mentah Malaysia secara amnya bergerak seiring dengan arah aliran pasaran minyak dunia pada tahun 2004, yang akan dicerminkan oleh keadaan permintaan dan penawaran yang lebih seimbang. Pengurusan penawaran minyak yang ketat oleh anggota Pertubuhan Negara Pengeksport Minyak (OPEC) dijangka akan mempengaruhi harga minyak dunia pada tahun 2004. Sementara itu, eksport gas asli cecair dijangka meningkat dengan nyata sebanyak 15.3%. Loji MLNG Tiga dijangka beroperasi pada kapasiti pengeluaran yang lebih tinggi bagi menampung peningkatan dalam permintaan.

Pertumbuhan **import** dijangka didorong oleh terutamanya import barangan pengantara yang lebih tinggi (15.5%), sejajar dengan jangkaan pengeluaran dan eksport dalam sektor perkilangan, khususnya segmen elektronik yang lebih kukuh. Import barangan modal dijangka pulih secara kukuh (12.7%) sejajar dengan kebangkitan semula aktiviti pelaburan. Import barangan modal yang lebih tinggi adalah terutamanya untuk pengembangan kapasiti dalam sektor perkilangan, minyak dan gas, dan industri penerbangan dan perkapalan. Pertumbuhan import barangan pengguna yang lebih kukuh akan mencerminkan perbelanjaan pengguna yang dijangka meningkat. Pertumbuhan yang lebih tinggi juga mencerminkan dasar import barangan penggunaan yang lebih rendah pada tahun 2003 akibat SARS.

Lebihan akaun barangan yang besar adalah lebih daripada memadai untuk membiayai pembayaran bersih dalam akaun perkhidmatan, pendapatan dan pindahan semasa. Defisit **akaun perkhidmatan** dijangka menguncup kepada 3% daripada KNK, mencerminkan terutamanya sektor pelancongan yang dijangka akan bertambah baik. Perolehan daripada eksport perkhidmatan pendidikan dan penjagaan kesihatan dijangka lebih tinggi dengan peningkatan mutu perkhidmatan dan usaha sama yang lebih erat antara pihak Kerajaan dan sektor swasta dalam menggalakkan eksport. Perolehan pelabuhan dijangka meningkat sejajar dengan peningkatan jumlah muatan kargo yang dipindahkan antara kapal, manakala pendapatan tambang dijangka bertambah baik berikutan dengan pengembangan kapasiti oleh syarikat-syarikat perkapalan dan penerbangan Malaysia. Jumlah dagangan yang lebih tinggi dan peningkatan kadar tambang juga dijangka meningkatkan pembayaran untuk pengangkutan. Penerimaan kasar akaun

perkhidmatan lain dijangka meningkat sejajar dengan arah aliran eksport yang meningkat dalam keluaran dan perkhidmatan ICT seperti perisian dan penggunaan khidmat luar bagi proses perniagaan. Insentif cukai bagi OHQ dan IPC serta peluasan lingkungan aktiviti termasuk penyelidikan dan pembangunan, reka bentuk, pemasaran, pengagihan, kawalan mutu, pengujian, pelabelan dan pembungkusan yang boleh dijalankan di zon perindustrian bebas atau gudang perkilangan yang berlesen dijangka menggalakkan eksport perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi.

Defisit **akaun pendapatan** dijangka kekal mapan pada 6.3% daripada KNK, mencerminkan keuntungan dan dividen terakru yang lebih tinggi kepada syarikat multinasional hasil daripada pelaburan mereka di Malaysia. Aliran keluar pendapatan pelaburan yang dijangka meningkat disebabkan oleh prestasi eksport industri elektronik dan industri lain yang berorientasikan eksport yang kukuh. Dengan prospek antarabangsa yang lebih baik, keuntungan dan dividen yang terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri juga dijangka menunjukkan arah aliran meningkat.

Akaun kewangan dijangka bertambah baik disokong oleh aliran masuk modal jangka panjang yang berterusan, terutamanya pelaburan langsung asing (FDI) yang lebih tinggi. Sebagai mana yang dicerminkan oleh peningkatan pelaburan yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada tahun 2003, aliran masuk FDI dijangka kekal besar dengan pelaksanaan beberapa projek besar dalam sektor perkilangan. Sebahagian besar FDI dalam sektor perkilangan dijangka dalam bentuk pelaburan semula oleh syarikat multinasional untuk pengembangan kapasiti ekoran peningkatan permintaan untuk barangan elektronik disebabkan sektor ini sudahpun beroperasi hampir ke tahap kapasiti penuh pada tahun 2003. Sektor perkhidmatan dijangka kekal sebagai penerima utama aliran masuk FDI yang baru, terutamanya dalam bidang logistik, pengagihan dan perkhidmatan sokongan perkilangan berdasarkan hubungan yang kuat antara perkembangan sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sementara itu, pelaburan asing dalam sektor minyak dan gas dijangka meningkat hasil pertambahan prospek usaha sama dengan syarikat minyak nasional.

Pelaburan Malaysia ke luar negeri turut dijangka kekal tinggi. Pelaburan luar negeri kekal bersifat menyeluruh dan disalurkan ke sektor minyak dan gas, perkhidmatan dan perkilangan. Dana ini berkemungkinan besar akan disalurkan ke negara-negara membangun dan maju dalam bentuk pemerolehan dan pelaburan baru untuk memberi sinergi kepada operasi mereka di Malaysia.

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2004

Prospek ekonomi global pada tahun 2004 adalah lebih menggalakkan. Di samping pertumbuhan yang lebih menyeluruh di negara-negara industri dan pertumbuhan ekonomi serantau yang lebih kukuh, ekonomi Malaysia dijangka tumbuh pada kadar yang lebih pesat sebanyak 6-6.5% pada tahun 2004. Pemulihan eksport yang lebih kukuh akan menyokong pertumbuhan permintaan dalam negeri yang mapan. Kenaikan paras keyakinan pengguna dan peniaga akan meningkatkan aktiviti sektor swasta dan membantu konsolidasi perbelanjaan fiskal. Walaupun permintaan agregat dalam dan luar negeri meningkat, kapasiti berlebihan serta pengembangan kapasiti membolehkan peningkatan dalam permintaan dan keluaran dicapai tanpa menimbulkan tekanan ke atas penawaran dan harga. Keadaan inflasi yang masih rendah menyediakan fleksibiliti kepada dasar monetari pada tahun 2004 untuk terus menyokong momentum pertumbuhan yang lebih tinggi. Oleh sebab pelaburan berada di peringkat awal kitaran, suasana kadar faedah yang rendah adalah penting untuk menyokong pertumbuhan yang akan diterajui oleh sektor swasta, di samping menyediakan fleksibiliti bagi konsolidasi fiskal dan mengukuhkan pertumbuhan.

Risiko inflasi di Malaysia masih rendah, disebabkan ekonomi beroperasi dalam persekitaran kapasiti yang berlebihan. Perkembangan ekonomi yang lebih tinggi pada tahun 2004 dijangka akan mengurangkan jurang keluaran dalam kebanyakan sektor sementara pelaburan baru akan meningkatkan potensi keluaran. Berikutan pemulihan permintaan yang lebih kukuh dan pemulihan keyakinan peniaga, tanda-tanda pemulihan dalam pelaburan perniagaan telah muncul, dengan perkembangan kapasiti dilihat dalam sektor-sektor yang mengalami peningkatan penggunaan kapasiti. Sementara itu, persaingan yang sengit dalam pasaran produk menggalakkan pengeluar untuk meningkatkan kecekapan dalam penggunaan modal, tenaga kerja dan teknologi bagi mengurangkan kos. Tekanan persaingan yang sengit menyederhanakan kenaikan upah dan meningkatkan pertumbuhan produktiviti yang

lebih tinggi. Secara keseluruhan, pelaburan modal yang bertambah dan peningkatan produktiviti yang berterusan serta kadar inflasi yang rendah di luar negeri akan membantu mengekalkan inflasi pada paras yang rendah. Ketiadaan jangkaan inflasi menyediakan fleksibiliti kepada kadar faedah untuk terus kekal rendah bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih mantap.

Pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi, lebihan akaun semasa yang besar dalam imbangan pembayaran serta aliran masuk modal memberikan cabaran kepada Bank Negara Malaysia untuk mengurus mudah tunai bagi menstabilkan keadaan dalam pasaran wang. Mudah tunai baru dijangka diperoleh berikutan prestasi eksport yang kukuh serta aliran masuk modal jangka panjang yang berterusan. Kesan daripada pengaruh pengembangan faktor-faktor ini ke atas mudah tunai dalam negeri, pengurusan monetari pada tahun 2004 akan menyeimbangkan lebihan mudah tunai secara aktif bagi menstabilkan keadaan dalam pasaran wang. Seperti pada tahun 2003, Bank Negara Malaysia akan menggunakan instrumen berasaskan pasaran dan pinjaman langsung dalam operasi mudah tunainya. Teras dasar keseluruhan adalah bagi memastikan persekitaran yang stabil dan dapat dijangka bagi menyokong perkembangan perniagaan. Tidak kurang penting juga, objektif dasar monetari bertujuan meningkatkan aliran kredit yang lebih cekap bagi pelaburan yang produktif dalam sektor serta industri yang mempunyai potensi untuk meningkatkan keluaran keseluruhan dan daya saing ekonomi Malaysia.

Dalam menuju ke hadapan, risiko dan ketidaktentuan masih wujud. Defisit berkembar di Amerika Syarikat dan akaun semasa global yang tidak seimbang terus menimbulkan risiko, seperti aliran modal global yang tidak menentu dan volatiliti kadar pertukaran menyebabkan perubahan besar dalam harga secara relatif. Ini boleh menjejaskan kepesatan dan penyebaran pemulihan ekonomi global. Pertumbuhan global pada masa jangka pendek masih banyak bergantung kepada pertumbuhan di Amerika Syarikat walaupun pertumbuhan di rantau Asia lebih kukuh. Faktor-faktor ini boleh menjejaskan sentimen pengguna dan peniaga serta menggugat momentum pertumbuhan global dan serantau. Oleh itu, cabaran kepada dasar monetari adalah untuk bertindak secara proaktif terhadap sebarang tanda perkembangan baru dalam persekitaran makroekonomi. Dalam hal ini, Malaysia mempunyai keupayaan yang tinggi untuk bertindak secara fleksibel dan yang lebih penting, dasar monetari terus mempunyai ruang untuk menangani kesan keadaan luar negeri yang kurang menggalakkan terhadap ekonomi dalam negeri.

Pernyataan Dasar Monetari (PDM) yang mula diterbitkan pada bulan Ogos 2003 akan terus diterbitkan pada setiap suku tahunan serentak dengan pengumuman data KDNK. Ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Bank Negara Malaysia bagi menyalurkan maklumat yang komprehensif kepada orang awam mengenai dasar Bank Negara Malaysia. Penerbitan PDM akan memberi hala tuju berhubung matlamat dasar Bank Negara Malaysia, dan dengan itu menyumbang kepada persekitaran pasaran kewangan yang stabil dan cekap. Ia adalah satu mekanisme untuk memenuhi objektif Bank Negara Malaysia dalam mengekalkan kestabilan monetari dan kewangan untuk mencapai pertumbuhan jangka panjang yang mapan.

Teras dasar monetari pada tahun 2004 terus ditumpukan pada pengukuhan momentum pertumbuhan berikutan inflasi yang rendah dan pertumbuhan yang masih di peringkat awal kitaran. Keadaan kadar faedah yang rendah akan terus menyokong pertumbuhan yang diterajui oleh sektor swasta.

DASAR FISKAL PADA TAHUN 2004

Bajet 2004 dibentang ketika jangkaan pertumbuhan ekonomi global semakin baik dan permintaan sektor swasta dalam negeri semakin kukuh. Prospek perniagaan dan keyakinan pengguna yang memberangsangkan dijangka memberi peluang kepada sektor awam mengurangkan pengaruh pengembangannya dan sektor swasta kembali menerajui pertumbuhan ekonomi. Dengan itu, strategi Bajet yang diumumkan pada 12 September 2003, bertujuan meningkatkan asas makroekonomi dan memastikan struktur ekonomi yang seimbang dan lebih menyeluruh dengan aktiviti ekonomi baru dalam

negeri menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi jangka panjang yang mapan. Oleh yang demikian, teras strategi Bajet tertumpu pada usaha membantu sektor swasta mengambil peranan utama sebagai enjin pertumbuhan ekonomi, sementara perbelanjaan dikurangkan secara beransur-ansur. Dengan ini, kedudukan kewangan keseluruhan Kerajaan Persekutuan dianggarkan mencatat defisit yang lebih kecil sebanyak RM13.8 bilion atau 3.4% daripada KDNK pada tahun 2004, selepas mengambil kira kehilangan potensi hasil berikutan daripada perubahan cukai yang diperkenalkan dalam Bajet 2004.

Dalam kajian semula Bajet 2004, anggaran pungutan hasil tahun 2004 dijangka agak tinggi, memandangkan pungutan cukai sebenar tahun 2003 adalah lebih rendah. Meskipun dalam kajian semula anggaran pungutan hasil dikurangkan, namun perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan (tidak termasuk rizab luar jangka) dikekalkan seperti yang telah dianggarkan pada bulan September 2003. Perbelanjaan pembangunan telah dikurangkan dengan ketara sebanyak 21.1% kepada RM30 bilion daripada anggaran perbelanjaan sebanyak RM38 bilion pada tahun 2003. Berikutan kajian semula hasil, defisit fiskal pada tahun 2004 dianggarkan sebanyak 4.5% daripada KDNK, berbanding defisit fiskal sebanyak 5.3% yang dicatat pada tahun 2003. Walaupun defisit berkurangan secara beransur-ansur, objektif konsolidasi fiskal terus dikekalkan. Dengan lebihan mudah tunai dalam sistem kewangan, sebahagian besar pembiayaan akan terus diperoleh daripada pasaran dalam negeri tanpa meminggirkan pembiayaan kepada sektor swasta. Pinjaman luar negeri akan ditentukan terutamanya oleh keperluan untuk memperkukuhkan kehadiran dalam pasaran antarabangsa dan membentuk penanda aras.

Sementara perbelanjaan pembangunan lebih rendah, tumpuan akan diberikan pada peningkatan produktiviti dan sistem serahan Kerajaan bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan menyokong pelaburan dan inisiatif sektor swasta. Perbelanjaan pembangunan tahun ini akan disasarkan kepada peningkatan kapasiti produktif jangka panjang dan daya saing ekonomi. Perubahan komposisi perbelanjaan fiskal dijangka menghasilkan kesan pengganda ke atas ekonomi. Dengan strategi ini, permintaan sektor awam dijangka merosot sedikit pada tahun 2004 (-0.4%), sementara permintaan sektor swasta dijangka menunjukkan pertumbuhan yang lebih kukuh. Sektor swasta dijangka menyumbang 4.9 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK sebenar.

Dari segi peruntukan bajet, penekanan akan terus diberi pada peningkatan kualiti pendidikan dan kemahiran tenaga kerja. Tumpuan khusus akan diberikan pada pemodenan dan peningkatan sektor pertanian dan luar bandar untuk menjadikan sektor ini sebagai sektor penjana pertumbuhan ekonomi yang penting. Keutamaan juga diberikan pada pelaksanaan program untuk meningkatkan taraf hidup sosioekonomi rakyat Malaysia, terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah.

Langkah-langkah Bajet tahun 2004 mengandungi pelbagai insentif cukai dan bukan cukai yang bertujuan meningkatkan sumber pertumbuhan bagi pertumbuhan industri baru; mengurangkan kos menjalankan perniagaan; dan meningkatkan inovasi melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan pada peringkat tinggi bagi meningkatkan keupayaan syarikat bersaing di arena antarabangsa. Bagi menggalakkan aktiviti sektor swasta, tumpuan terus diberikan pada pembangunan perusahaan bersaiz kecil dan sederhana (PKS). Langkah-langkah yang dilaksanakan antaranya, meningkatkan *threshold* pendapatan bercukai daripada RM100,000 kepada RM500,000 yang dikenakan cukai korporat pada kadar 20%, penubuhan jawatankuasa penstrukturan semula hutang PKS dan peningkatan saiz skim mikro kredit sebanyak RM1 bilion. Langkah-langkah lain yang dicadangkan untuk terus merangsang pertumbuhan yang diterajui ekonomi dalam negeri termasuk pelbagai skim untuk memperkenalkan secara lebih agresif barangan buatan Malaysia, menubuhkan agensi sehenti bagi menggalakkan sektor perkhidmatan dan insentif cukai serta skim pembiayaan untuk terus memodenkan sektor pertanian dan menggalakkan pelaburan dalam aktiviti hiliran yang berkaitan.

Bajet tahun 2004 juga mengandungi pelbagai langkah-langkah cukai bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Antara langkah-langkah yang diperkenalkan termasuk membenarkan pengurangan perbelanjaan hiburan yang ditanggung dalam promosi jualan, mengurangkan atau memansuhkan duti import ke atas barangan terpilih seperti bateri komputer, barangan plastik dan kayu; serta mengurangkan atau memansuhkan duti eksport ke atas hasil dan komoditi pertanian.

DASAR SEKTOR KEWANGAN PADA TAHUN 2004

Teras dasar tahun 2004 akan terus tertumpu kepada usaha membina kapasiti institusi kewangan domestik dan mempertingkatkan daya tahan dan kestabilan sektor kewangan di samping memastikan semua sektor ekonomi terus mendapat akses pembiayaan yang mencukupi. Perhatian juga akan diberi bagi mengukuhkan rangka kerja perlindungan pengguna dan mempertingkatkan tahap kesedaran pengguna terhadap produk dan perkhidmatan perbankan dan insurans.

Program tanda aras yang dimulakan pada tahun 2000, yang membolehkan institusi perbankan dan syarikat insurans mengukur prestasi mereka dengan mengenal pasti peluang operasi dan strategik serta bidang bagi pembinaan strategi dan peningkatan kemahiran akan terus diperhalusi. Dialog berkala dengan lembaga pengarah dan pihak pengurusan kanan institusi perbankan akan terus diadakan bagi membincangkan prestasi, trend dan isu yang mempunyai kesan terhadap daya saing dan kekukuhan keseluruhan institusi perbankan masing-masing. Satu lagi bidang tumpuan ialah bagi memperbaiki tahap kualiti perkhidmatan institusi perbankan dan syarikat insurans. Keputusan kaji selidik kepuasan pengguna yang diadakan di seluruh negara pada tahun 2003 akan dibincangkan dengan industri dan strategi pada peringkat industri dan institusi akan dirumus untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan.

Adalah dijangkakan beberapa bank perdagangan domestik akan bergabung dengan subsidiari syarikat kewangan masing-masing berikutan pelaksanaan pindaan terhadap Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 yang membenarkan penggabungan tersebut. Kumpulan perbankan domestik boleh memperbaiki kecekapan operasi hasil daripada ekonomi mengikut bidangan yang lebih tinggi dan mempertingkatkan akses kepada perniagaan perbankan dan syarikat kewangan di seluruh negara. Rangka kerja untuk penubuhan bank pelaburan juga dijangka siap pada tahun 2004. Rangka kerja tersebut akan membolehkan bank pelaburan menjalankan pelbagai aktiviti pasaran modal di bawah satu entiti, termasuk perniagaan brokeraj ekuiti.

Inisiatif bagi mengukuhkan kapasiti institusi perbankan domestik akan dilengkapi dengan pengukuhan peraturan berhemat di samping menyediakan infrastruktur pengawasan yang lebih lengkap. Bagi pengawalan berhemat, usaha akan ditumpukan kepada perumusan rangka kerja yang lengkap untuk mengawal dan menyelia struktur kumpulan yang melibatkan konglomerat kewangan di samping membina kebolehan dan kemahiran institusi perbankan dan penyelia untuk memenuhi cabaran dalam melaksanakan "*New Basel Capital Accord*". Infrastruktur pengawasan akan dipertingkatkan bagi menyediakan isyarat amaran awal mengenai sebarang ketidakseimbangan sektor kewangan.

Memandangkan sektor perbankan masih merupakan sumber utama pembiayaan dalam ekonomi, inisiatif akan terus diambil bagi mempertingkatkan akses kepada pembiayaan bagi semua segmen ekonomi. Tumpuan adalah untuk mengukuhkan infrastruktur yang sedia ada bagi mempertingkatkan akses kepada pembiayaan oleh PKS. Inisiatif bagi menggalakkan konsumerisme yang aktif dan mempertingkatkan rangka kerja perlindungan pengguna akan terus diberi keutamaan. Biro Perantaraan Kewangan (BPK) akan ditubuhkan pada tahun ini. Ia merupakan pusat sehenti bagi menyediakan saluran khidmat pembelaan melalui perundangan kepada pengguna untuk menangani masalah pengguna dengan insitusi perbankan, syarikat insurans, institusi kewangan pembangunan di bawah kawal seliaan Bank Negara Malaysia dan pengendali sistem pembayaran. Rangka kerja untuk memperbaiki tahap ketelusan dan pendedahan terhadap semua produk kewangan runcit yang ditawarkan oleh institusi perbankan bagi memudahkan pelanggan membuat keputusan lebih efektif dan bermaklumat akan diperkenalkan pada tahun ini. Untuk mengukuhkan lagi rangka kerja perlindungan pengguna dalam sistem kewangan yang semakin berorientasikan pasaran, undang-undang bagi memperkenalkan sistem insurans deposit di Malaysia dijangka dibentangkan di Parlimen pada tahun 2004.

Bank Negara Malaysia juga diberi mandat bagi memastikan sistem dan instrumen pembayaran dalam negara adalah selamat dan cekap dan memastikan keyakinan berterusan orang awam dalam penggunaan instrumen pembayaran. Ini termasuklah menangani risiko dalam sistem kewangan, menggalakkan sistem pembayaran yang cekap, meningkatkan ciri-ciri keselamatan sistem pembayaran dan instrumen pembayaran, di samping mengawasi sistem dan instrumen tersebut. Di samping itu, Bank Negara Malaysia akan terus menggalakkan dan mendidik pelanggan untuk menggunakan pelbagai kemudahan dan produk pembayaran elektronik

selaras dengan langkah untuk mewujudkan masyarakat yang lebih bergantung kepada urus niaga pembayaran berasaskan elektronik.

Dalam sektor perbankan Islam, teras dasar utama pada tahun 2004 akan terus tertumpu kepada usaha mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem perbankan Islam sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan. Teras dasar pada tahun 2003 untuk mengukuhkan infrastruktur kewangan, mempertingkatkan rangka kerja pengawalseliaan, mengukuhkan infrastruktur Syariah dan perundangan, dan mempertingkatkan pembangunan sumber intelektual dan kesedaran pengguna akan diteruskan pada tahun 2004. Dalam pembangunan infrastruktur kewangan, struktur keinstitusian 'jendela' institusi perbankan yang menyertai Skim Perbankan Islam akan terus diperkukuhkan bagi mewujudkan pengawalseliaan operasi perbankan Islam yang berkesan berdasarkan ciri-ciri operasi perbankan Islam yang unik. Landskap perbankan Islam juga akan mengalami perubahan berikutan pengeluaran sehingga tiga lesen perbankan Islam baru kepada institusi perbankan asing pada tahun 2004.

Untuk mempertingkatkan keberkesanan rangka kerja urus tadbir Syariah, Garis Panduan Jawatankuasa Syariah bagi institusi perbankan Islam akan diperkenalkan. Garis panduan ini menggariskan peranan dan tanggungjawab, kelayakan dan terma-terma pelantikan badan penasihat Syariah bagi institusi perbankan Islam. Inisiatif untuk memantapkan infrastruktur perundangan akan diteruskan pada tahun 2004 bagi menyokong pembangunan industri perbankan Islam yang mantap dan progresif. Inisiatif ini termasuk perluasan skop rangka kerja penimbangtaraan bagi perbankan dan kewangan Islam, kajian semula Akta Bank Islam 1983 bagi mengukuhkan rangka kerja perundangan operasi perbankan Islam, dan rumusan isu-isu cukai bagi memberi asas percukaian yang saksama di antara produk kewangan Islam dan produk kewangan konvensional oleh Jawatankuasa Kajian Semula Undang-undang. Bagi mengukuhkan kewangan dan membina daya tahan sistem perbankan Islam, piawai pengawalseliaan berhemat akan mengambil kira ciri-ciri khusus perbankan Islam. Di samping itu, usaha-usaha akan dipertingkatkan bagi memperdalamkan pasaran melalui pengenalan mekanisme pembiayaan kadar boleh ubah dan rangka kerja *mudharabah* dan *musyarakah* serta mewujudkan satu kadar rujukan bagi operasi perbankan dan kewangan Islam.

Teras dasar untuk institusi kewangan pembangunan (IKP) akan terus berpandu kepada hala tuju strategik seperti yang telah digariskan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan. Tumpuan dasar adalah untuk terus mengukuhkan asas supaya IKP boleh beroperasi secara cekap dan berkesan melalui pembinaan kapasiti IKP dan mewujudkan persekitaran yang membolehkan IKP beroperasi secara cekap dan berkesan. Penekanan akan diberi untuk memastikan IKP tetap komited dan memberi tumpuan terhadap peranan yang dimandatkan untuk meningkatkan tahap responsif IKP terhadap keperluan pembangunan, terutamanya terhadap PKS dan sektor keutamaan yang dikenal pasti. Di samping itu, inisiatif bagi mempertingkatkan kebolehan dan kapasiti IKP sebagai institusi yang mengkhusus dalam pemberian khidmat nasihat kepada pelanggan yang disasarkan khususnya PKS, akan diteruskan pada tahun 2004. Ini akan dilengkapi dengan inisiatif untuk mengukuhkan amalan pengurusan risiko IKP.

Dasar sektor kewangan tahun 2004 akan terus tertumpu untuk mengukuhkan daya tahan, kestabilan, kecekapan dan keberkesanan sistem kewangan bagi memastikan sektor kewangan terus memainkan peranan yang berkesan dalam menyokong pertumbuhan ekonomi di samping memenuhi objektif sosial negara. Usaha ditumpukan bukan sahaja untuk membentuk sektor kewangan yang kukuh dan berdaya tahan tetapi juga kepada dan pembinaan kapasiti sektor kewangan untuk meningkatkannya ke tahap prestasi yang lebih tinggi, cekap dan cemerlang.

Laporan Rangka Kerja Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Pada bulan Oktober 2002, satu Jawatankuasa Pemandu PKS yang dianggotai oleh kementerian dan agensi Kerajaan yang terlibat dalam pembangunan PKS telah ditubuhkan untuk mengetengahkan saranan-saranan oleh Bank Negara Malaysia yang terkandung di dalam Rangka Kerja Pembangunan PKS. Rangka Kerja Pembangunan PKS ini menggariskan saranan-saranan bagi mewujudkan persekitaran yang boleh menggalakkan pembangunan PKS dalam kesemua sektor ekonomi. Saranan-saranan ini bertujuan mengukuhkan infrastruktur bagi pembangunan PKS, membina kapasiti PKS dan memperbaiki akses kepada pembiayaan dan seterusnya meningkatkan kemampuan mereka untuk menyumbang kepada ekonomi negara.

Memperkukuhkan Infrastruktur untuk Pembangunan PKS

Sejak ditubuhkan, Jawatankuasa Pemandu PKS membuat beberapa kajian terhadap infrastruktur pembangunan PKS sedia ada. Objektif utama kajian tersebut adalah mengenal pasti bidang-bidang yang wujud pertindihan sumber antara pelbagai kementerian dan agensi dan menangani kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam infrastruktur sedia ada bagi pembangunan PKS. Kajian yang dijalankan melibatkan:

- Kajian semula terhadap peranan dan tanggungjawab kementerian dan agensi yang terlibat dalam pembangunan PKS;
- Penilaian terhadap penubuhan satu badan pusat untuk menyelaras pembangunan PKS; dan
- Penilaian penggubalan undang-undang PKS untuk menyelaraskan usaha-usaha pembangunan PKS.

Bagi mempertingkatkan tumpuan dan penyelarasan pembangunan PKS, Jawatankuasa Pemandu PKS mencadangkan pembentukan satu rangka kerja institusi tetap untuk meningkatkan kemampuan dan keupayaan Kerajaan menggalakkan pembangunan PKS yang berdaya saing dan berdaya tahan dalam kesemua sektor secara berterusan. Pewujudan satu struktur formal yang dikhususkan kepada pembangunan PKS akan mempertingkatkan penggemblengan sinergi dan penyelarasan usaha-usaha antara pelbagai pihak yang berkepentingan dalam pembangunan PKS, di samping memastikan isu-isu berkenaan pembangunan PKS dalam kesemua sektor dikenal pasti dan ditangani.

Hasil daripada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pemandu kepada Jawatankuasa Kabinet Bagi Meningkatkan Daya Saing Negara, Kerajaan akan menubuhkan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan. Majlis yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri ini akan berfungsi sebagai penggubal dasar tertinggi bagi merancang hala tuju dan strategi pembangunan PKS. Keahlian majlis ini terdiri daripada para Menteri daripada kementerian yang berkepentingan serta wakil yang dilantik daripada organisasi-organisasi sektor swasta yang terlibat dalam pembangunan PKS. Bank Negara Malaysia adalah Sekretariat kepada Majlis tersebut.

Merapatkan Jurang

Bagi mempertingkatkan penyelarasan dan pembangunan PKS secara menyeluruh, Jawatankuasa Pemandu PKS telah mengambil beberapa inisiatif untuk menangani kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam infrastruktur yang sedia ada untuk pembangunan PKS:

- Pewujudan definisi yang standard bagi PKS dalam kesemua sektor. Pada masa ini, tiada definisi PKS yang standard digunakan. Kementerian dan agensi mempunyai definisi tersendiri mengikut kesesuaian dan kriteria masing-masing. Penetapan definisi PKS yang standard dalam konteks kebangsaan akan membolehkan penggubalan dasar yang lebih efektif bagi sektor sasaran dalam ekonomi, memudahkan peruntukan bantuan teknikal dan penyaluran kemudahan-kemudahan di bawah pelbagai dasar, fiskal dan kewangan dan lain-lain galakan. Penstandardan definisi membolehkan PKS dikenalpasti pada peringkat mikro, menggalakkan penubuhan persatuan-persatuan PKS pada peringkat makro dan memudahkan perencanaan yang lebih baik kepada masalah dan prospek sektor

ini. Penstandardan definisi PKS juga akan membantu pengumpulan data PKS yang berkaitan dan sebanding bagi tujuan pembentukan pangkalan data.

- Penubuhan Pangkalan Data PKS Kebangsaan yang komprehensif. Ketiadaan pangkalan data pusat yang mengandungi perangkaan yang berkaitan PKS dan keusahawanan menyukarkan penilaian tahap pembangunan PKS, keadaan operasi, daya maju kewangan dan keperluan pembangunan PKS pada masa sekarang. Untuk mengembangkan potensi PKS sebagai sumber pertumbuhan dalaman di samping memudahkan perumusan dasar berkaitan pembangunan PKS, penggubal dasar PKS perlu mempunyai kemampuan untuk mengukur, memantau dan menilai prestasi dan sumbangan PKS kepada proses pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhan. Kewujudan pangkalan data PKS Kebangsaan yang komprehensif dapat membantu proses pemantauan dan penilaian tahap pembangunan PKS dengan lebih rapi, menentukan keperluan pembangunan PKS serta menyediakan input penting dalam pembentukan dasar pembangunan.

- Pembentukan rangka kerja yang terselaras untuk pemasaran dan promosi PKS dalam kesemua sektor. Penekanan adalah pada keseluruhan pemasaran dan promosi PKS dari segi produk, perkhidmatan dan PKS itu sendiri. PKS memerlukan bantuan khas dalam bidang pembangunan dan penambahbaikan produk, reka bentuk, pembungkusan dan penjenamaan produk mereka. Pembentukan rangka kerja yang menyeluruh dan terselaras dapat memastikan usaha-usaha pelbagai pihak yang berkepentingan adalah terancang bagi membantu PKS menembusi pasaran baru, meningkatkan kesedaran tentang penjenamaan dan harta intelek, mempertingkatkan rangkaian perniagaan, rantaian dan perikatan strategik antara PKS dengan firma-firma besar lain.